

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

1. *Data Centre.*

- (a) Senaraikan *data centre* yang terletak di Pulau Pinang mengikut lokasi serta peluang pekerjaan yang disediakan.
- (b) Terangkan cabaran dan masalah yang dihadapi oleh *data centre* yang bertapak di Pulau Pinang.
- (c) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap pengusaha *data centre* khususnya bagi menarik pelaburan asing?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 1. (a) Terdapat dua (2) Pusat Data swasta yang terletak di Negeri Pulau Pinang. Pusat Data yang pertama adalah TM ONE PG1. Pusat ini dioperasikan oleh pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) di George Town dan terletak di tapak bangunan berkeluasan 7,955 kaki persegi. Pusat Data yang kedua terletak di Suntech @ Penang Cybercity, Bayan Lepas yang diuruskan oleh pihak OpenDC Penang Sdn. Bhd. Pusat data ini berkeluasan 1,000 kaki persegi dan berkapasiti 4 megawatt (MW). Buat masa ini, tiada tawaran pekerjaan yang dibuat oleh kedua-dua pengusaha Pusat Data tersebut.
- (b) Antara cabaran dan masalah yang dihadapi oleh Pusat Data yang bertapak di Negeri Pulau Pinang ialah kekurangan ruang yang khusus atau 'designated building' untuk menarik pelabur. Selain itu, ketersediaan dan kestabilan bekalan elektrik juga menjadi cabaran kepada penyedia perkhidmatan memandangkan kebanyakan Pusat Data memerlukan bekalan elektrik yang tinggi.

- (c) Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan seperti InvestPenang dan Digital Penang akan terus bekerjasama dengan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd. dalam mempromosi dan menarik pelaburan digital ke Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, adalah penting untuk mengenal pasti jenis Pusat Data yang ingin ditarik serta kesesuaiannya dalam ekosistem digital negeri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

2. Insurans kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).
- (a) Terangkan secara terperinci insurans kepada setiap Ahli Jawatankuasa dari segi yuran serta perlindungan sekiranya sebarang kemalangan berlaku.
  - (b) Nyatakan peruntukan yang dibelanja untuk mencarum insurans serta tuntutan yang telah dibuat sejak pelaksanaan dasar ini.
  - (c) Mengapa Kerajaan Negeri tidak pakai skim insurans yang ditawarkan oleh PERKESO?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Perlindungan insurans kepada ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) negeri Pulau Pinang telah bermula pada tahun 2021. Kos bagi seorang ahli MPKK adalah sebanyak RM30.00 yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Faedah yang diberikan kepada ahli MPKK yang terlibat dengan kemalangan atau kematian adalah seperti berikut:

BIL.	KLASIFIKASI	JUMLAH PERLINDUNGAN (RM)
i.	Kematian	20,000.00
ii.	Kecacatan kekal	20,000.00
iii.	Bayaran Balik Perubatan	500.00
iv.	Perbelanjaan Pengebumian	1,000.00

- (b) Peruntukan perolehan Program Perlindungan Kemalangan Peribadi Secara Berkumpulan (*Group Personal Accident Takaful*) untuk bilangan keseluruhan ahli MPKK iaitu 5625 orang adalah sebanyak RM178,885.00 (termasuk SST 6% dan duti setem) setahun bermula pada 1 Mei 2021. Sehingga kini, tuntutan yang dibuat adalah sebanyak RM64,316.00. Berikut dikemukakan perincian tuntutan yang telah dibuat oleh ahli MPKK mengikut tahun:

TEMPOH	KEMATIAN (RM)	PERUBATAN (RM)
1 Mei 2021 - 30 April 2022	21,000.00	535.00
1 Mei 2022 - 30 April 2023	42,000.00	281.00
1 Mei 2023 - 30 April 2024	-	500.00

- (c) Kerajaan Negeri tidak menggunakan skim insurans yang ditawarkan oleh PERKESO disebabkan Ahli MPKK tidak tertakluk kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 seperti berikut:
- (i) Semua pekerja yang bertaraf warganegara Malaysia dan pemastautin tetap;
  - (ii) Berumur 18-60 tahun;
  - (iii) Bekerja dengan sektor swasta; dan
  - (iv) Berkhidmat berasaskan kontrak perkhidmatan (*contract of service*)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

3. Projek Kereta Kabel Bukit Bendera.
- (a) Mengapa laporan EIA dan SIA tidak dipamerkan bagi penilaian orang ramai?
  - (b) Terangkan secara terperinci tentang tetuan projek serta perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak kerajaan.
  - (c) Senaraikan garis masa tentang pelaksanaan projek serta bilakah projek dijangka siap?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Berdasarkan pengkategorian di bawah Perintah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, pembangunan kereta kabel ini disenaraikan di bawah Jadual Pertama yang tidak memerlukan paparan dan ulasan awam melainkan diarahkan sebaliknya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar. Lantaran terdapatnya maklumat sensitif dan sulit dalam laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) tersebut, pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) tidak melaksanakan proses paparan umum bagi projek ini. Walau bagaimanapun, salinan laporan EIA tersebut boleh diakses di Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JASPP).

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) juga tidak tertakluk kepada paparan umum berdasarkan kepada Panduan

Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023. Walau bagaimanapun, sebagai memenuhi keperluan dalam penyediaan laporan SIA tersebut, sebanyak lapan belas (18) sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) serta kajian soal selidik dan sesi tidak rasmi telah dijalankan dari 16 Ogos 2023 hingga 10 September 2023 melibatkan kumpulan-kumpulan berikut:

- (i) Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen kawasan;
  - (ii) Agensi dan jabatan tenikal;
  - (iii) Institusi pendidikan;
  - (iv) Pertubuhan bukan kerajaan (NGO);
  - (v) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT);
  - (vi) Kumpulan pendaki;
  - (vii) Institusi keagamaan;
  - (viii) Penyedia perkhidmatan industri pelancongan;
  - (ix) Peniaga dan penyedia perkhidmatan jip di Bukit Bendera;
  - (x) Persatuan Penduduk Bukit Bendera; dan
  - (xi) Peniaga di sekitar kawasan Taman Botani.
- (b) Pembida yang berjaya, Syarikat Hartasuma Sdn. Bhd., adalah perintis dalam industri rel tempatan dan mempunyai pengalaman hampir tiga puluh (30) tahun dalam keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek daripada pengurusan projek dan logistik, rantai bekalan antarabangsa, protokol ujian dan pentauliahan serta pembiayaan projek. Mereka telah membekalkan lebih empat ratus (400) buah kereta rel untuk beberapa projek pengangkutan awam terbesar di Kuala Lumpur termasuk laluan transit paling sibuk di Malaysia, iaitu Laluan Kelana Jaya.

Pelaksanaan projek kereta kabel Bukit Bendera ini adalah secara Kerjasama Awam Swasta (*Public-Private-Partnership*, PPP) melalui kaedah Design-Build-Finance-Operate-Transfer (DBFOT). Syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk semua proses dari rekaan, pembinaan, pembiayaan sehingga ke pengoperasian fasiliti ini. Pengoperasian perkhidmatan kereta kabel ini kemudiannya akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri setelah tamat tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun.

- (c) Projek ini mempunyai beberapa komponen yang akan dibangunkan dalam tempoh lapan belas (18) bulan (anggaran semasa) yang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2024 dan berakhir pada bulan Disember 2025. Garis masa pembinaan komponen-komponen ini adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: GARIS MASA PELAKSANAAN PROJEK**

<b>BIL</b>	<b>KOMPONEN</b>	<b>JANGKA MULA</b>	<b>JANGKA AKHIR</b>
1	Parkir bertingkat	Jun 2024	Mac 2025
2	Stesen Taman ( <i>Garden Station</i> )	Jun 2024	Jun 2025
3	Struktur penukaran laluan	Jun 2024	November 2024
4	Stesen Bukit ( <i>Hill Station</i> )	Julai 2024	Ogos 2025
5	Tiang menara	Julai 2024	Mei 2025
6	Pemasangan cerucuk Caissons	Oktober 2024	Mei 2025
7	Pemasangan peralatan kereta kabel	Ogos 2024	September 2025
8	Pengujian dan pentauliahan	Oktober 2025	November 2025
9	Pentauliahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	Oktober 2025	Disember 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

4. Paip air pecah di dasar Sungai Perai.
- (a) Terangkan kronologi kejadian serta laporan *post-mortem* terhadap krisis air yang telah berlaku.
  - (b) Bandingkan jumlah *non-revenue water* (NRW) masa tersebut dengan purata NRW.
  - (c) Nyatakan secara terperinci tentang kerugian yang ditanggung oleh PBA dalam menangani krisis air tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Berdasarkan rekod Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), kira-kira hampir 200,000 pengguna air di Daerah Barat Daya Pulau Pinang dan beberapa kawasan di Seberang Perai terjejas akibat saluran paip 1,350mm yang pecah di dasar Sungai Perai. Saluran paip itu telah dikesan pecah kira-kira jam 8.26 pagi, pada 18 Disember 2023 dan kerja-kerja pembaikan bawah dasar air sungai telah dijalankan pada 19 Disember 2023 untuk membaiki saluran paip yang pecah. Operasi kimpalan bawah dasar air sungai ini telah selesai pada 21 Disember 2023, jam 11.40 pagi. Walau bagaimanapun kebocoran tersebut masih lagi berlaku di permukaan air semasa PBAPP memulakan proses mengepam air.

PBAPP telah mengambil langkah mengaktifkan tindakan Pelan B melalui kerja-kerja pengoperasian mengapit plat keluli pada bahagian saluran paip 1,350mm yang bocor di bawah dasar air

sungai bermula pada jam 8.30 malam, 21 Disember 2023. Pengaktifan Pelan B telah menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di Daerah Barat Daya Pulau Pinang bermula dari 8.00 malam, 21 Disember 2023 hingga jam 8.00 pagi, 22 Disember 2023 yang telah menjejaskan kira-kira 120,000 pengguna di Daerah Barat Daya. Kerja-kerja pembaikan di bawah Pelan B telah siap pada jam 5.30 pagi, 22 Disember 2023. Sehingga jam 2.00 petang, 70% daripada 120,000 pengguna terjejas telah dipulihkan. PBAPP berjaya memulihkan 90% daripada 120,000 pengguna pada jam 9.00 malam, 23 Disember 2023; 96.2% pada jam 6.00 pagi, 24 Disember 2023; 99.5% pada 5.00 pagi, 25 Disember 2023 dan pemulihan bekalan air secara keseluruhan adalah pada jam 11.00 malam, 26 Disember 2023.

**(i) GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL PBAPP (SWSI) 10 JANUARI 2024 HINGGA 14 JANUARI 2024**

PBAPP telah berjaya melaksanakan gangguan bekalan air berjadual selama 4 hari dari 10 hingga 14 Januari 2024 bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan paip segera di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. PBAPP telah menegaskan bahawa gangguan bekalan air berjadual selama 4 hari pada Januari 2024 tidak dapat dielakkan dan perlu bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan segera di LRA Sungai Dua dan pelbagai kerja pembaikan dan pemulihan sampingan di 22 lokasi lain di seluruh negeri Pulau Pinang.

Pelaksanaan segera kerja pembaikan dan pemulihan air ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan dan untuk meminimumkan risiko insiden gangguan bekalan air tidak berjadual serta mengurangkan kehilangan air atau air tidak terhasil (NRW). Sebagai tindak balas kepada permintaan Kerajaan Negeri, PBAPP telah memperhalusi sasaran bagi pemulihan bekalan air secara berperingkat dan merancang secara strategik pemulihan beransur-ansur perkhidmatan bekalan air untuk 590,000 pengguna terjejas dalam tempoh masa antara 48 hingga 96 jam. Ini memastikan bahawa bekalan air kepada lebih 50% daripada pengguna yang terjejas dapat dipulihkan dalam tempoh masa 72 jam atau kurang. Gangguan Bekalan Air

Berjadual ini telah menjejaskan bekalan air kepada kira-kira 590,000 pengguna air di Pulau Pinang dan Seberang Perai, termasuk pengguna bukan domestik di semua kawasan perindustrian utama di negeri Pulau Pinang.

PBAPP telah mengaktifkan Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) pada jam 1.00 petang, 06 Januari 2024, iaitu 4 hari lebih awal daripada tarikh yang disasarkan bagi menyemak dan memantau kesiapsiagaan semua pasukan termasuk kontraktor untuk semua kerja-kerja pembaikan dan pemulihan bekalan air. Pada 09 Januari 2024, PBAPP telah membuat persiapan dengan menyediakan keperluan termasuk semua peralatan, alat ganti, dan jentera berat telah dipasang, 99 lori tangki telah diisi dan sedia untuk membekalkan 1.85 juta liter air sehari (MLD), persiapan semua tangki statik PBAPP diletakkan dan diisi di lokasi strategik dan 1,300 Kakitangan PBAPP telah ditugaskan 24 jam untuk memulihkan semula perkhidmatan bekalan air dalam 4 peringkat pemulihan dari 12 Januari 2024 hingga 14 Januari 2024.

Kerja-kerja persiapan akhir turut disaksikan oleh YAB Ketua Menteri dan YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Negeri semasa lawatan tapak ke LRA Sungai Dua. Walaupun terdapat pelbagai rintangan sepanjang krisis ini, PBAPP telah berjaya mencapai sasaran memulihkan bekalan air untuk 590,000 pengguna terjejas lebih awal daripada jadual. Pencapaian ini berjaya dicapai disebabkan oleh usaha dan komitmen berterusan 1,300 kakitangan PBAPP yang bekerja sepanjang masa mengikut syif selama 4 hari, terutamanya kakitangan di tapak yang terus melaksanakan tanggungjawab memastikan bekalan air dapat dipulihkan dengan segera. Dengan langkah proaktif dan perancangan yang komprehensif, pengeluaran air di LRA Sungai Dua telah dipulihkan pada jam 6.00 pagi, 12 Januari 2024 dengan kapasiti pengeluaran 1011.1 MLD. PBAPP telah mencapai pemulihan bekalan air dalam 4 peringkat untuk 590,000 pengguna air yang terjejas, lebih awal daripada jadual. PBAPP telah berjaya melaksanakan kerja-kerja pemulihan bekalan air sepenuhnya pada jam 4.12 pagi,

14 Januari 2024, kira-kira 2 jam lebih awal daripada sasaran asal iaitu jam 6.00 pagi.

**(ii) GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK BERJADUAL PBAPP AKIBAT KEJADIAN KEBOCORAN MENDADAK DI SUNGAI PERAI PADA 23 JANUARI 2024 HINGGA 01 FEBRUARI 2024**

Satu kebocoran paip berlaku secara mendadak sekitar jam 5.00 petang, 23 Januari 2024 di dasar Sungai Perai. PBAPP telah mengesan kebocoran besar yang berlaku secara mendadak pada bahagian saluran paip bawah air 1,350 mm. Kejadian tersebut telah mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual kepada kira-kira 200,000 pengguna di Daerah Barat Daya dan beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan. PBAPP telah mengaktifkan pelan tindak balas kecemasannya serta-merta. PAPP terus mengepam air melalui saluran paip pada aliran minimum untuk meminimumkan impak kepada pengguna. Bagi mempercepatkan proses pemulihan ini, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBAPP untuk melaksanakan 2 pelan tindakan kecemasan secara serentak bagi memulihkan bekalan air kepada 120,000 pengguna terjejas dengan secepat mungkin meliputi pelan tindakan berikut:

- 1) Pelan A: Mengapit semula saluran paip 1,350mm untuk menyalurkan semula bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna terjejas menjelang 8.00 pagi, Jumaat, 26 Januari 2024.
- 2) Pelan B: Kerja-kerja pengalihan 2 saluran paip 600mm yang baru untuk menggantikan saluran paip 1,350mm sedia ada. Pemulihan perkhidmatan bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna terjejas menjelang Rabu, 31 Januari 2024.

Untuk meminimumkan impak, PBAPP telah menggerakkan 70 lori tangki air untuk membekalkan air kepada pengguna domestik yang terjejas akibat insiden Sungai Perai. PBAPP juga telah mendapatkan bantuan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk

membekalkan lebih banyak lori tangki ke Pulau Pinang. Sebagai tambahan kepada lori tangki, 11 “Tank Gajah Flexi” (24,000L) telah disediakan di lokasi strategik untuk pengguna domestik yang terjejas.

PBAPP berjaya menyiapkan Pelan A pada jam 6.30 petang, 26 Januari 2024 dan mencapai 84% pemulihan bekalan air untuk 120,000 pengguna terjejas pada 9.30 pagi, 28 Januari 2024. Walau bagaimanapun, pemulihan baki 16% daripada pengguna yang terjejas di bahagian penghujung paip dan tanah tinggi mengambil masa lebih lama disebabkan permintaan air yang tinggi di Daerah Barat Daya. PBAPP telah berjaya mencapai pemulihan bekalan air 100% untuk Pelan A pada jam 1.15 petang, 29 Januari 2024.

Disebabkan kelewatan pemulihan bekalan air bagi tindakan Pelan A, PBAPP mengambil pendekatan untuk menangguhkan Pelan B kepada jam 11.30 malam, 30 Januari 2024 untuk memberi masa kepada pengguna yang terjejas untuk menyimpan air yang mencukupi. PBAPP meneruskan pelaksanaan Pelan B bagi kerja-kerja pengalihan 2 saluran paip 600mm yang baru pada jam 11.30 malam, 30 Januari 2024 dan menyelesaikan kerja pengalihan lebih awal daripada jadual iaitu pada jam 4.33 pagi, 31 Januari 2024. Pemulihan bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna terjejas telah dipulihkan lebih awal daripada jadual pada jam 1.15 pagi, 01 Februari 2024 dan PBAPP telah berjaya mencapai pemulihan bekalan air 100% untuk Pelan B pada jam 3.00 petang, 01 Februari 2024.

- (b) Perbandingan jumlah *non-revenue water* (NRW) masa tersebut dengan purata NRW melalui rekod PBAPP adalah seperti berikut:

<b>Kejadian Krisis</b>	<b>NRW (%) (krisis)</b>	<b>Tahun</b>	<b>Purata NRW (%)</b>
Disember 2023 18.12.2023 – 26.12.2023	28.5	2023	26.8
Januari 2024 23.1.2024 – 30.1.2024	29.3	Februari 2024	25.0

*Sumber: : Laporan Kejuruteraan*

- (c) Kerugian yang ditanggung oleh PBAPP dalam menangani krisis air tersebut adalah sebanyak RM11,005,565.41 dan perincian kos adalah seperti di **LAMPIRAN**.

**LAMPIRAN**

No	Senarai Kerja -Kerja Yang Berkaitan	Kos (RM)
1	Penggantian Injap 1200mm dalam saluran paip air terawat utama dalam Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua yang bocor	RM 703,000.00
2	Penggantian satu lagi injap 1200mm dalam saluran paip air terawat utama berhampiran pagar LRA yang juga bocor	RM 198,000.00
3	Lantikan Kecemasan Untuk Kerja-Kerja Penggantian dan Pemasangan Injap 600mm Butterfly Valve dan 900 mm Butterfly Valve Di Stesen Rumah Pam Bukit Dumber, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	RM 86,700.00
4	Kerja-Kerja Penggantian DN600 MM Butterfly Valve Bagi Sesalur Paip Utama Sediada Bergarispusat DN600 MM Di Jalan Sultan Azlan Shah (Flyover USM), Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	RM 97,850.00
5	Kerja-Kerja Pengalihan Sesalur "S-Bend" DN900 mm Paip Besi Keluli Lembut Bagi Menggantikan DN900mm Paip Besi Keluli Lembut Di Lintang Pantai Jerejak 5 / Medan Pantai Jerejak, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	RM 895,750.00
6	Kerja-kerja Penggantian DN200mm Injab Angin (Äir Valve) 3 Nos Kepada DN 300mm Injab Angin (Äir Valve) 3 Nos Dan Pemasangan DN300mm Injab Sluis (Sluice Valve) Bagi Sesalur Paip Utama Sediada Bergarispusat DN1200mm di Pengkalan Weld / Hadapan Depot Rapid Penang Dan Di Lebuhraya Tun Dr Lim Cheong Eu / Jalan JKR, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	RM 62,200.00
7	Pemasangan Injap Kupu-Kupu Berukuran DN900mm (Straight Valve) di Jalan Bukit Tambun (PABOI), Daerah Seberang Perai Selatan	RM 64,100.00
8	Penggantian Injap Kupu-Kupu Berukuran DN700MM (Straight Valve) Di Jalan Bukit Merah, Daerah Seberang Perai Utara	RM 67,000.00
9	Penggantian Injap Kupu-Kupu Berukuran DN600MM (Straight Valve) Di Simpang Lahar Yooi Seberang Perai Utara	RM 60,000.00
10	Penggantian Injap Kupu-Kupu Berukuran DN600mm (Straight Valve) Di Simpang Muda Paper Mill Daerah Seberang Perai Selatan	RM 44,000.00
11	Penggantian Injap Kupu-Kupu Berukuran DN600MM (Tee-Off Valve) Di Petron Susur Keluar Jalan Permatang Pauh Ke Taman Bagan (Petron), Daerah Seberang Perai Utara	RM 46,400.00
12	Anggaran Kos Injap-Injap Baru Untuk Kerja-Kerja Penggantian dan Kerja-Kerja "Scouring"	RM 311,024.00
13	Emergency Works: Proposed to Services 33kV Vacuum Circuit Breaker (VCB), 11kV Vacuum Circuit Breaker (VCB), 415V Air Circuit Breaker (ACB), Services and Filtration of Oil Transformers and Associated Works at Sungai Dua Water Treatment Plant and Lahar Tiang Pump Station.	RM 329,600.00
14	Proposed Electrical Works for The Upgrading of 11kV Power Supply and Associated Works at Bukit Minyak Pump Station, SPT, Pulau Pinang.	RM 50,700.00

**LAMPIRAN**

15	Emergency Works: Proposed to Services 21 Nos. 11kV Vacuum Circuit Breaker (VCB) & Switchgear Panel, 4 Nos. 415V Air Circuit Breaker (ACB) and Associated Works at Bukit Dumar 1 (BD1) & Bukit Dumar (BD2) Pump Station, Pulau Pinang.	RM 156,050.00
16	Kerja-Kerja Kimpalan Bawah Air Oleh Pakar Untuk Membaiki Saluran Paip Bulan 18 -26 Disember 2023	RM 268,000.00
17	Kerja-Kerja Kimpalan Bawah Air Oleh Pakar Untuk Membaiki Saluran Paip pada 10 -14 Januari 2024	RM 923,000.00
18	Kejadian Di Sungai Perai 23 Jan 2024- Mengapit Semula Saluran Paip Air 1350mm Untuk Memulihkan Perkhidmatan Bekalan Air (Pelan A)	RM 616,000.00
19	Kerja Pengalihan Untuk Mengoperasikan Dua Saluran Paip 600mm Baharu Untuk Menggantikan Bahagian Saluran Paip 1350mm Dalam Air Yang Dibina Bersebelahan Jambatan Ampang Jajar, Perai (Pelan B)	RM 1,570,000.00
<b>Kos Logistik Yang Terlibat Bagi Penghantaran Bekalan Air Kepada Pengguna Yang Terkesan. (Sewaan Lori Tangki, Tangki Statik dan Lain-Lain Kos Yang Berkaitan.)</b>		
1	19 UNITS - RENTAL OF 20FT CONTAINER C/W FLEXIBAG FROM 02.01.2024 TO 15.01.2024	RM 100,600.00
2	4 UNITS OF PE WATER CLOSE TOP STORAGE TANKS (500 GALLONS) COMPLETE WITH STEEL SUPPORT BASE WITH 5 WATER TAPS ON EACH TANK	RM 11,000.00
3	10 UNITS OF PE WATER COLSE TOP STORAGE TANK (500 GALLONS) COMPLETE WITH STEEL SUPPORT BASE WITH 5 WATER TAPS (20MM Ball Valve) ON EACH TANK	RM 27,500.00
4	10 UNITS PE WATER COLSE TOP STORAGE TANK (500 GALLONS) COMPLETE WITH STEEL SUPPORT BASE WITH 5 WATER TAPS (20MM Ball Valve) ON EACH TANK	RM 27,500.00
5	5 TRUCKS OF JUMBO WATER TANKERS SERVICES FOR PBAPP SDN. BHD. (SPS) & (DBD)	RM 170,100.00
6	20 UNITS OF JUMBO WATER TANKERS (SIZE 40m3) FROM 07.01.2024 TO 14.01.2024	RM 1,088,000.00
7	SUPPLY AND INSTALL 24 NOS OF PIPING SYSTEM FOR 20FT CONTAINERS WITH FLEXIBAGS DURING THE RECOVERY AFTER THE SUNGAI DUA WATER T/P SHUTDOWN ON JAN 2024	RM 48,000.00
8	21 UNITS - RENTAL OF 20FT CONTAINER C/W FLEXIBAG FROM 24.01.2024 TO 03.02.2024	RM 119,130.00
9	7 UNITS OF JUMBO WATER TANKERS SERVICES FOR PBAPP SDN. BHD. (24.01.24 TO 01.02.24)	RM 236,000.00

**LAMPIRAN**

10	15 UNITS OF JUMBO WATER TANKERS (SIZE 40m3) FROM 24.01.2024 TO 1.02.2024	RM 819,000.00
11	2 UNITS OF JUMBO WATER TANKERS SERVICES FOR PBAPP SDN. BHD. (21.12.23 TO 27.12.23)	RM 28,000.00
<b>Kos Korporat Komunikasi dan Yang Berkaitan</b>		
1	-Crisis Communication Strategy and Management on Dec 2023- Jan 2024	RM 530,700.00
	Disember 2023- RM128,200.00	
	Januari 2024- RM402,500.00	
2	Kos Penubuhan Pasukan Sukarelawan (Rakan PBAPP) dan Kos Yang berkaitan: -T-shirt & Vest -RM12,430.00 - Refreshment & allowances for 10-12 Jan 2024-RM12,000	RM 24,430.00
3	Kos Penginapan dan Kemudahan Untuk Pemandu Lori Tangki dari Lain -Lain Negeri (SPAN) 18 -26 Disember 2023 - Penginapan- RM22,785.00 -Refreshment /Allowances-RM29,289.52	RM 52,074.52
4	Kos Penginapan dan Kemudahan Untuk Pemandu Lori Tangki dari Lain -Lain Negeri (SPAN) pada 10 -14 Jan 2024 -Penginapan -RM27,736.00 -Refreshment /Allowances -RM22,969.00	RM 50,705.00
5	Lain -Lain Kos (Makanan dan Minuman serta Kos ERP) -18-26 Disember 2023-RM4,000.00 -10-14 Januari 2024-RM46,826.90 -23 Jan -02 feb Jan 2024-RM36,000.00	RM 87,000.00
6	Kos Untuk Penyediaan Fasiliti Termasuk Canopy/Peralatan/Makanan	RM 7,600.00
7	Kos Kerja Lebih Masa/Cuti Gantian Untuk Kakitangan Yang Terlibat -Kos Kerja Lebih Masa -1 Hari Off Day -Sumbangan kepada Persatuan Bomba Sukarela	RM1,028,851.89
	<b>Kos Keseluruhan</b>	<b>RM 11,005,565.41</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

5. *Resilient City Network (R-Cities)*.

- (a) Terangkan secara terperinci tentang kolaborasi MBSP dan MBPP dengan R-Cities dalam mewujudkan bandar yang berdaya tahan.
- (b) Apakah status terkini tentang pembentukan *Penang Resilience Strategy*?
- (c) Sejauh manakah pewujudan *Chief Resilience Officer* dapat membantu negeri mencapai bandar yang pintar dan berdaya tahan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyertai *Resilient Cities Network (R-Cities)* secara rasmi pada Ogos 2023 sebagai salah satu komitmen untuk membina daya tahan bandar. Penyertaan ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasa kawasan George Town dan Seberang Perai sebagai bandar berdaya tahan yang mempunyai keupayaan untuk menyerap, pulih dan bersedia untuk cabaran masa hadapan. Inisiatif Kerajaan Negeri, MBPP, MBSP bersama R-Cities adalah bertujuan:
- (i) Meningkatkan ketahanan bandar untuk menangani cabaran seperti perubahan iklim, pandemik, ekonomi, sosial dan pertambahan penduduk di Pulau Pinang;

- (ii) Melantik *Chief Resilience Officer* (CRO) untuk menyelaraskan usaha ketahanan bandar di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan;
- (iii) Membangunkan *Penang Resilience Strategy* untuk memperkukuh kesediaan, memajukan amalan penyesuaian bandar dan menyokong komuniti yang mudah terjejas; dan
- (iv) Meningkatkan kemahiran pemimpin kerajaan dan komuniti belia untuk menggalakkan keselamatan dan kelestarian bandar di Pulau Pinang.

R-Cities adalah satu rangkaian bandar berdaya tahan yang terkemuka di dunia. R-Cities menghimpunkan pengetahuan, amalan, perkongsian dan pembiayaan global untuk memperkasakan ahlinya dalam membina bandar yang selamat dan saksama. Rangkaian ini terdiri lebih daripada 100 buah bandar merentasi enam (6) buah wilayah di seluruh dunia termasuklah Paris, Cape Town, New York, Rio De Janeiro, Sydney dan Singapura.

- (b) *Penang Resilience Strategy* adalah satu laporan yang dibangunkan untuk membina keupayaan bagi daya tahan bandar di Pulau Pinang. Komponen utama proses pembangunan strategi ini adalah penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan yang lain.

Pengumpulan data dan maklumat bagi penyediaan laporan ini telah dilaksanakan bermula Disember 2023 sehingga kini yang melibatkan pelbagai jabatan/agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, komuniti setempat dan juga belia melalui pelaksanaan bengkel bersiri dan *Focus Group Discussion* (FGD) secara berterusan. Selain itu, mesyuarat bulanan juga dilaksanakan antara R-Cities, CRO dan juga *Resilience Team* masing-masing bagi berkongsi maklumat dan menambah input serta melaporkan aktiviti terkini berkenaan pembangunan bandar berdaya tahan. Kemajuan penyediaan laporan ini adalah sebanyak 30% dan sedang dalam peringkat analisis kajian dan dijangka akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2025.

- (c) Secara umumnya, *Chief Resilience Officer* (CRO) adalah penasihat peringkat atasan yang melaporkan kepada

kepimpinan bandar yang bertanggungjawab untuk memimpin, menyelaraskan dan membangunkan strategi dan dasar bandar berdaya tahan. Seramai tiga (3) orang CRO dilantik di negeri Pulau Pinang. Dua (2) orang CRO di peringkat PBT dan seorang CRO di peringkat negeri. Fungsi CRO di peringkat negeri adalah menghimpunkan pihak berkepentingan bagi menyebarkan informasi berkenaan kejutan dan tekanan dalam bandar selain menyelaraskan dan menyokong matlamat dalam *Penang Resilience Strategy* yang sedang dibangunkan bersama MBPP, MBSP dan juga R-Cities.

Di peringkat MBPP, CRO yang dilantik adalah Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan manakala di MBSP, Pengarah Perancang Bandar dilantik menjadi CRO. Berikut adalah peranan CRO di peringkat kerajaan tempatan:

- (i) Menyelaraskan usaha ketahanan bandar di seluruh kawasan pentadbiran MBPP dan MBSP dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan penduduk bandar dilindungi dengan lebih baik daripada kesan perubahan iklim, pandemik dan ketidaksamaan;
- (ii) Membangunkan dan melaksanakan *Penang Resilience Strategy* secara kolaboratif bersama pihak berkepentingan;
- (iii) Menyelaraskan inisiatif ketahanan bandar merentasi jabatan dan agensi kerajaan bagi memastikan pendekatan bersepadu tercapai;
- (iv) Membangunkan kapasiti dan kemahiran komuniti untuk menghadapi cabaran seperti bencana alam dan perubahan iklim; dan
- (v) Menggalakkan inovasi dan teknologi pintar untuk meningkatkan kecekapan dan ketahanan bandar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA :5(A)(I)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

6. *Bjarke Ingels Group* (BIG).

- (a) Nyatakan kos serta perjanjian firma tersebut dilantik sebagai pereka pelan induk utama projek *Penang South Islands*.
- (b) Sejauh manakah cadangan dan perancangan BIG diterima pakai dalam pelaksanaan projek tersebut?
- (c) Apakah had ketinggian bangunan diguna pakai bagi pembangunan di *Silicon Island* memandangkan berdekatan dengan lapangan kapal terbang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Kos pelantikan *Bjarke Ingels Group* (BIG) sebagai pereka pelan induk utama untuk projek '*Penang South Islands*' adalah dalam lingkungan RM5,759,000.00. Perincian skop kerja utama merangkumi skop seperti berikut:
- (i) Meneliti semula visi dan memperincikan reka bentuk pelan induk serta mengambil kira pandangan dari pihak berkepentingan (stakeholders);
  - (ii) Menyediakan skematik Pelan Induk dan Reka Bentuk Bandar (Urban Design);
  - (iii) Menyediakan Pelan Induk yang diselaraskan dengan keperluan kejuruteraan dan teknikal yang lain; dan

- (iv) Menyelaras pelan induk dengan perunding perancang bandar bagi permohonan pindaan pelan induk dan kebenaran merancang.
- (b) Pertandingan Reka Bentuk Pelan Induk (*Masterplan Design Competition- MDC*) secara dasarnya merupakan pertandingan idea reka bentuk berdasarkan kepada terma rujukan MDC. Tujuan pertandingan tersebut adalah untuk memilih pemenang yang akan memperincikan reka bentuk pelan induk projek PSI selaras dengan keperluan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan mengambil kira kos, kemampanan (*sustainability*), kecekapan guna tanah (*land efficiency*) dan kebolehlaksanaan (*feasibility*). Lanjutan daripada penganjuran pertandingan MDC tersebut, pihak BIG yang memenangi pertandingan tersebut telah dilantik sebagai pereka pelan induk utama bagi projek *Silicon Island* ini.

Cadangan perancangan "*biodiversity*" oleh BIG memfokuskan kepada pelan induk yang rendah karbon, hijau dan mampan yang mana idea-idea utama tersebut telah diterapkan dan dilaksanakan dalam reka bentuk pelan induk *Silicon Island*.

Sejajar dengan konsep BIG iaitu "bandar 15 minit" - rangkaian mobiliti bersepadu baharu yang terdiri daripada lebih 100km laluan basikal/pejalan kaki, sistem teksi air berkuasa solar, LRT dan E-bas telah disediakan untuk kegunaan perkhidmatan kepada penduduk *Silicon Island*, memastikan ketersambungan "*first-last-mile*" yang lancar dan mengurangkan pelepasan karbon.

Untuk menggalak dan menarik kepelbagaian *biodiversity*, BIG meletakkan rangkaian laluan biru dan hijau di seluruh pulau. Selain itu, Pulau Silicon telah menggabungkan lebih daripada 400 ekar Kawasan kehijauan dan ciri-ciri air dalam rangkaian luas yang berbentuk taman, terusan, habitat bakau, pantai dan penyambung hijau untuk mewujudkan keseimbangan yang harmoni antara manusia dan alam semula jadi.

*Biodiversity* juga telah menangani keperluan kemampanan dengan memastikan perubahan iklim dan keperluan peningkatan paras laut diambil kira dalam pembinaan *Silicon Island*. Oleh itu, untuk melindungi pulau ini, seluruh zon pantai

direka bentuk untuk menerima polder dan benteng dalam jangka masa yang panjang.

Terusan dalaman juga direka sebagai takungan untuk menyimpan air. Selain itu, liputan hijau yang luas juga membolehkan *Silicon Island* berfungsi sebagai "Bandar Span" untuk menguruskan hujan lebat dan mencegah banjir.

- (c) Berdasarkan kepada pembangunan *Silicon Island* yang berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP); secara amnya, purata had ketinggian bangunan di *Silicon Island* adalah dalam lingkungan 45 meter berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak perunding. Walau bagaimanapun, anggaran julat had ketinggian minimum adalah 20 meter (pada posisi terdekat dengan landasan kapal terbang dan maksima adalah 85 meter (di posisi terjauh dari landasan kapal terbang) disebabkan oleh kawasan kawalan galangan (OLS). Namun demikian, had ketinggian muktamad bangunan di *Silicon Island* adalah tertakluk kepada ketetapan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

7. Kolam ternakan udang dan ikan.
- (a) Senaraikan jenis kolam yang ada di Pulau Pinang mengikut keluasan, lokasi dan daerah.
  - (b) Terangkan secara terperinci tentang status pembangunan kolam ternakan udang di Lot 802, Mukim C, Barat Daya khususnya dari segi penguatkuasaan serta memastikan tanah bakau diwartakan dengan kadar segera.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jenis-jenis kolam akuakultur adalah seperti berikut:
- (i) Kolam ikan air tawar;
  - (ii) Kolam ikan air payau/masin;
  - (iii) Kolam udang air payau/masin; dan
  - (iv) Kolam udang air tawar.
- (a) Terdapat 202 buah kolam di Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada kolam air payau dan kolam air tawar. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah manakala maklumat terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Bil.	Daerah	Jenis Kolam		Keluasan (hektar)
		Kolam Air Payau	Kolam Air Tawar	
1.	Seberang Perai Utara	1	15	35.241
2.	Seberang Perai Tengah	15	14	133.552
3.	Seberang Perai Selatan	113	21	521.474
4.	Barat Daya	14	9	164.522

(b) Jenis kolam udang dan ikan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kolam	Lokasi	Keluasan (meter persegi)
1.	Ternakan Udang	Berhampiran Lot 206, Mukim 8, DBD	3,000 mp
2.	Ternakan Ikan (kolam hiasan)	Tapak B, KPS Gertak Sanggul	1,845.861 mp

Status pembangunan kolam ternakan udang di Lot 802, Mukim C, Daerah Barat Daya adalah sah kerana pembangunan ini dibuat di atas tanah hak milik persendirian. Pembangunan kolam udang diusahakan oleh Syarikat Global Goodway (M) Sdn. Bhd. yang beroperasi di tanah milikan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau. Syarikat tersebut mengusahakan ternakan udang harimau dengan keluasan tanah seluas 44.92 hektar. Sehubungan itu, tiada isu penguatkuasaan yang terlibat memandangkan tiada ketidakpatuhan berlaku di bawah Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828]. Lot tersebut juga tidak boleh diwartakan sebagai tanah bakau kerana ia merupakan tanah milik persendirian.

NAMA DAERAH	NAMA PENTERNAK	JENIS PEMILIK	NO KP ROC	ALAMAT PENTERNAK	JENIS AKUA	NAMA SISTEM TERNAKAN	NAMA SPESIS	KELUASAN LADANG	UKURAN UNIT	BILANGAN UNIT
Barat Daya	YIN CORP SDN BHD	SYARIKAT	1685341X	LOT 642, MK. 7, PULAU BETONG, 11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau, Pelbagai AP	7.6	ha	9
Barat Daya	GREEN ISLAND MARINE TECH SDN BHD	SYARIKAT	045682377	NO.9 LORONG IKS SIMPANG AMPAT, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3	ha	9
Barat Daya	MUTIARA OCEAN	SYARIKAT	PP01-11	LOT 802, MK. C, KUALA SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau	4.04	ha	6
Barat Daya	MOSH ARIF AHMAD	SYARIKAT	PP01-12	DI BLKG. 159, MK. H UNIT 7, SUNGAI BURUNG, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1.2	ha	3
Barat Daya	FRESH FARMING VENTURE	SYARIKAT	PC0016803U	40, LORONG NIPAH 6, TAMAN UPSIN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1.8	ha	15
Barat Daya	TOH KEAN HOE	SYARIKAT	PP01-14	740, MK. D, KUALA JALAN BARU, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	5	ha	27
Barat Daya	SUWARDI IDRIS	SYARIKAT	PP01-20	1240, MK. 9, KG. MATAHARI NAIK, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli, Tilapia Hitam, Tilapia Merah, Tilapia Gift	0.4	ha	5
Barat Daya	PENSHRIMP SDN BHD	SYARIKAT	PP01-2	MK. B LOT 519, KUALA SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Jenahak, Merah, Siakap, Udang Putih, Kerapu Hybrid, Pelbagai AP	38	ha	100
Barat Daya	LIN KOOI HAK	SYARIKAT	PP01-3	634, MK. A, KUALA SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau, Udang Putih, Pelbagai AP	1.8	ha	3
Barat Daya	GLOBAL GOOD WAY (TANAH PERDA)	SYARIKAT	PP01-4	LOT 802, MK. C, KUALA SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau	41	ha	26
Barat Daya	ADNAN BIN HASSAN	INDIVIDU	830313075517	DIHADAPAN 1386, MUKIM 9, KG MASJID,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.1	ha	9
Barat Daya	SAFIRUL AZAM BIN ISMAIL	INDIVIDU	760617025593	1-4, BLOK SEROJA, MUTIARA PERDANA,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.1	ha	3
Barat Daya	GLOBAL AGROLIFE SDN BHD. (TANAH MAIPP)	SYARIKAT	PP01-5	LOT PT1 MK. A, KUALA SUNGAI PINANG, 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau	37	ha	30
Barat Daya	JENNY THOR	INDIVIDU	542221	740 MK D, KUALA JLN BARU,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	2	ha	17
Barat Daya	GEN PELANGI SDN BHD	SYARIKAT	PP01-6	LOT 254, MK. 2, DAERAH PPO1, PANTAI ACHEH, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Harimau, Udang Putih	2.3	ha	9
Barat Daya	HAZAN BIN BAHARON	INDIVIDU	540104075021	713 MK 9, KG MASJID, TELUK KUMBAR,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli, Tilapia Gift, Pelbagai AT, Pelbagai AP	0.012	ha	4
Barat Daya	EW HUNG PHENG	SYARIKAT	PP01-7	680, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau, Udang Putih	2.83	ha	8
Barat Daya	LANGKAH IDAMAN SDN BHD	SYARIKAT	723627W	411, 410, 412, 428, 434, 435 MUKIM 1, KUALA SG. PINANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Harimau, Pelbagai AP	10	ha	12
Barat Daya	EW HAN POR / EWE OH TUE	INDIVIDU	741108075425	680 SUNGAI UDANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Putih	1.1	ha	2
Barat Daya	MIYA GLOBAL SDN BHD	SYARIKAT	01233373T	1-2-111 PUNCAK SOUTHBAY, NO 1 CANGKAT BATU MAUNG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Kerapu Hybrid	0.2	ha	12
Barat Daya	GREAT FISHORE SDN BHD	SYARIKAT	968308M	LOT 477 & 646 MK. 1, PULAU BETONG 11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau, Udang Putih	4.6	ha	8
Barat Daya	GETECH ISLAND	SYARIKAT	PC0018432H	LOT 432 DAN 433 MUKIM 1, KUALA SUNGAI PINANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Harimau, Udang Putih	0.4	ha	2
Barat Daya	MOHD SYAFIRUL BIN ABDULLAH	INDIVIDU	820325055637	NO. 107, MUKIM 7, PULAU BETONG, 11020 BALIK PULAU,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Udang Kara	0.04	ha	8
Seberang Prai Selatan	MOHD FUAD BIN MOHD RADZI (FAM KELI FARM)	SYARIKAT	CA0318255U	15, MK 1, KG PADANG LALANG, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli, Puyu, Pelbagai AT	0.4	ha	7
Seberang Prai Selatan	YAP WEE KEE	INDIVIDU	PP02-101	LADANG BYRAM, NIBONGTEBAL, SPS, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	1.45	ha	3
Seberang Prai Selatan	YAM CHUAH FISHERY	SYARIKAT	PP02-103	JLN BYRAM, NIBONGTEBAL, SPS, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	4.6	ha	8
Seberang Prai Selatan	YAP CHEE POR	INDIVIDU	PP02-104	LADANG BYRAM, NIBONGTEBAL, SPS, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62	ha	10
Seberang Prai Selatan	LIM PAW HUA T	SYARIKAT	PP02-105	JLN BYRAM, NIBONGTEBAL, SPS, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2	ha	2
Seberang Prai Selatan	ABD RAHIM BIN AHMAD	INDIVIDU	PP02-107	LOT 132, SUNGAI CHENAMA, 14320 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.01	ha	2
Seberang Prai Selatan	MUHAMMAD RAHIM BIN ANAS	INDIVIDU	PP02-108	LOT 163, SUNGAI CHENAMA, 14320 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	5.73	ha	4
Seberang Prai Selatan	POC AQUACULTURE SDN BHD	SYARIKAT	712944P	SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	2.43	ha	4
Seberang Prai Selatan	TAMBUN FARM ENTERPRISE	SYARIKAT	PP02-110	BAGAN, BUKIT TAMBUN, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	2.83	ha	4
Seberang Prai Selatan	BRANDA ENTERPRISE (SOBRI)	SYARIKAT	PG0249210P	518, KG BALIK BUKIT, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.5	ha	3
Seberang Prai Selatan	HENG SENG CHEW	INDIVIDU	PP02-111	1463, TANJUNG KETUPAT, 14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.43	ha	4
Seberang Prai Selatan	HING PENG CHEY	INDIVIDU	PP02-112	34, BUKIT TAMBUN, 14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	1.33	ha	1
Seberang Prai Selatan	GOH YIN PIAU	INDIVIDU	PP02-113	BUKIT TAMBUN, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	1.72	ha	3
Seberang Prai Selatan	LIM AH CHAI	INDIVIDU	PP02-114	403, TANJUNG KETUPAT, BUKIT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.24	ha	3
Seberang Prai Selatan	MOHD FAZLI BIN MOHD ZAIN	INDIVIDU	PP02-13	758, SUNGAI AIR TAM, 14320 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli, Puyu, Pelbagai AT	1	ha	1
Seberang Prai Selatan	LIM HOCK NGUA	INDIVIDU	PP02-14	403, TANJONG KETUPAT, 14110 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.83	ha	4
Seberang Prai Selatan	MIO SIM MARINE PRODUCT	SYARIKAT	PP02-15	NO 395 MK 6 PERMATANG BATU, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	11.7	ha	8
Seberang Prai Selatan	HENG SENG CHUAH	INDIVIDU	PP02-16	1463 PATHAU, BUKIT TAMBUN, 14110 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	2.02	ha	2
Seberang Prai Selatan	PPRT TANJONG KETUPAT	SYARIKAT	PP02-17	D/A PEJABAT DAERAH SPS, 14320 SUNGAI JAWI, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.02	ha	1
Seberang Prai Selatan	JAFFAR BIN IBRAHIM	INDIVIDU	PP02-18	444, SUNGAI DIA, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.8	ha	3
Seberang Prai Selatan	ATLANTIC FISHERY SDN BHD	SYARIKAT	PP02-19	1187, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	4.66	ha	4
Seberang Prai Selatan	UNISON VENTURE SDN BHD	SYARIKAT	PP02-20	PLOT 7280, JALAN PERUSAHAAN 1, KAWASAN PERUSAHAAN, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	16.2	ha	11
Seberang Prai Selatan	TAN ZOON HOEI	INDIVIDU	PP02-22	1359, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.04	ha	3
Seberang Prai Selatan	KHOR FENG SENG	INDIVIDU	PP02-23	1715, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.94	ha	5
Seberang Prai Selatan	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN SUNGAI CHENAMA	SYARIKAT	PP02-24	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN SUNGAI CHENAMA, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	54.31	ha	27
Seberang Prai Selatan	KHOR LIM CHEANG	INDIVIDU	PP02-25	807, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.33	ha	4
Seberang Prai Selatan	KHOR LEK KAW	INDIVIDU	PP02-26	1787, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.73	ha	3
Seberang Prai Selatan	LEE CHOO KEONG	INDIVIDU	PP02-27	1310, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.82	ha	2
Seberang Prai Selatan	KHOR BOON HEE	SYARIKAT	PP02-28	1310 SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.01	ha	10
Seberang Prai Selatan	TAN AH LECK	INDIVIDU	PP02-29	TBP 1831 SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.02	ha	5
Seberang Prai Selatan	TAM CHOON ANG	INDIVIDU	PP02-30	304, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.05	ha	11
Seberang Prai Selatan	ABDUL RAZAK BIN AHMAD	INDIVIDU	PP02-3	1713, BATAS PINANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli, Puyu, Pelbagai AT	0.25	ha	4
Seberang Prai Selatan	KHOR SDO KANG	INDIVIDU	PP02-32	1716, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	10	ha	20
Seberang Prai Selatan	TAN BAI SENG	INDIVIDU	PP02-33	1359, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	3.26	ha	7
Seberang Prai Selatan	YEOH SIEW HOCK	INDIVIDU	PP02-34	2352, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.64	ha	4
Seberang Prai Selatan	TAM CHOON CHING	INDIVIDU	PP02-36	589, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.25	ha	7
Seberang Prai Selatan	KHOR HEE CHOON	INDIVIDU	PP02-37	697, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.05	ha	8
Seberang Prai Selatan	MEHMO FADLI BIN MOHD NOOR	INDIVIDU	900808075923	525, Kg Padang Lalang, Tasek	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1	ha	1
Seberang Prai Selatan	KUAH CHOO LENG	INDIVIDU	PP02-38	TBP 258, BAGAN SELATAN, 34250 TANJONG PIANDANG, PERAK	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.03	ha	5
Seberang Prai Selatan	H'NG BROTHER FISH FARM	SYARIKAT	PG0062116H	1952, PERKAMPUNGAN JAWI, SUNGAI JAWI, SUNGAI BAKAP	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	8.5	ha	14
Seberang Prai Selatan	KHOR BROTHER MARINE SDN BHD	SYARIKAT	888355V	NO.939, JALAN BAGAN UTARA, 34250 TG PIANDANG, PERAK	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	10	ha	15
Seberang Prai Selatan	YAKIN JAYAMUDA SDN BHD	SYARIKAT	1246666A	NO.3948 & 3949 JLN SG.DAUN 1, PUSAT PERNIAGAAN NIBONG TEBAL	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	2.4	ha	20
Seberang Prai Selatan	KHOR HEE GO	INDIVIDU	PP02-39	697, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.03	ha	5
Seberang Prai Selatan	EW E OH GUE	INDIVIDU	PP02-40	680, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	1.21	ha	2
Seberang Prai Selatan	MIO SIM MARINE PRODUCTS SDN BHD	SYARIKAT	358557X	NO 395 MK 6 PERMATANG BATU, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Putih	11.7	ha	8
Seberang Prai Selatan	KHOR KOOI LIEW	INDIVIDU	PP02-41	680, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	6.07	ha	9
Seberang Prai Selatan	GUANG FENG ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0371733T	1145, JALAN DEWAN, KAMPUNG PERMATANG TINGGI, 14000 BUKIT MERTAJAM	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.5	ha	6
Seberang Prai Selatan	PAYASAN KERAJA MALAYSIA	SYARIKAT	516024X	No.12, A.Selok Gertak Sanggul, Taman Gertak Sanggul	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	5	ha	18
Seberang Prai Selatan	NANFA MARINE SDN BHD	SYARIKAT	769378U	390, Jalan Besar,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap, Udang Putih, Pelbagai AP	8	ha	18
Seberang Prai Selatan	WANI IBRAHIM BIN MEGAT ZAINON	INDIVIDU	720411075783	2125 MK5 SUNGAI DURU,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	2	ha	5
Seberang Prai Selatan	BB	INDIVIDU	02	NO 02 JALAN BANDAR BAHRU	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1	ha	10
Seberang Prai Selatan	LB	INDIVIDU	02	NO 02 JALAN BANDAR BAHRU	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1	ha	10
Seberang Prai Selatan	LIM SOON TEIK	INDIVIDU	PP02-42	1, LORONG RAJAWALI 22, TAMAN BERIAYA, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.43	ha	5
Seberang Prai Selatan	HAPPY FIELD TRADING	SYARIKAT	PG0487822H	32 Jalan Impian, Taman Impian	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Puyu	0.81	ha	9
Seberang Prai Selatan	HALIM TASEK ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0447148	NO.25 LORONG PUTERI GUNUNG 3, TAMAN PUTERI GUNUNG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.2	ha	11
Seberang Prai Selatan	GSK AQUACULTURE SDN BHD (GOH)	SYARIKAT	1312078V	NO.93 LORONG 9 BANDAR TASEK MUTIARA	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.8	ha	10
Seberang Prai Selatan	CHOO SONG ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0326001H	93 LORONG 9/SSI BANDAR TASEK MUTIARA	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	4	ha	8
Seberang Prai Selatan	KHAW CHEW KHENG	INDIVIDU	PP02-43	660, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.6	ha	5
Seberang Prai Selatan	KEE TEIK SENG	SYARIKAT	PG0148877P	113 Pekan Junjung	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.4	ha	4
Seberang Prai Selatan	MINER FIX SDN BHD	SYARIKAT	1272401H	NO.458, JALAN ANGERIK VANILLA N31, NWO TA KEMUNING	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Udang Putih	6.102	ha	10

NAMA DAERAH	NAMA PENTERNAK	JENIS PEMILIK	NO KP ROC	ALAMAT PENTERNAK	JENIS AKUA	NAMA SISTEM TERNAKAN	NAMA SPESIS	KELUASAN LADANG	UKURAN UNIT	BILANGAN UNIT
Seberang Prai Selatan	CS FISHERY SDN BHD	SYARIKAT	1094837V	NO 2350 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	30 ha		50
Seberang Prai Selatan	SOON PHANG ENTERPRISE SDN BHD	INDIVIDU	915812K	2A LORONG TERKUKUR INDAH 6,TAMAN TERKUKUR INDAH	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	8 ha		11
Seberang Prai Selatan	CRAYFISH BROTHER ENTERPRISE	INDIVIDU	PG0491229V	NO 33 LORONG PERWIRA 5,TAMAN PERWIRA	AIR TAWAR	Kolam Air Payau	Patin,Tilapia Merah,Udang Kara	2 ha		7
Seberang Prai Selatan	LVE SENG FISH FARM	SYARIKAT	002056442X	NO 5 LORONG IDAMAN 2/6 TAMAN IDAMAN	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.57 ha		4
Seberang Prai Selatan	ABDULLAH BIN MOHAMAD	INDIVIDU	64080907517P	590 SUNGAI BESAR BESAR	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli,Puyu	0.004 ha		3
Seberang Prai Selatan	TAN KWAI TEIK	INDIVIDU	PP02-44	1043 SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.58 ha		4
Seberang Prai Selatan	EXCELLENT FARMING	SYARIKAT	PG0325905W	1322 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4 ha		14
Seberang Prai Selatan	LIA LEE AQUACULTURE	SYARIKAT	PG038309I	1248 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	16.49 ha		12
Seberang Prai Selatan	JEE KWANG FISH FARM	SYARIKAT	002417385A	2491 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.2 ha		4
Seberang Prai Selatan	SIN TON SENG FISHERY	SYARIKAT	00242799K	1891 SUNGAI UDANG,NIBONG TEBAL 14310 PENANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.02 ha		5
Seberang Prai Selatan	TAN HE CHIN	INDIVIDU	PP02-45	2466, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62 ha		5
Seberang Prai Selatan	CHOP AIK LEE	SYARIKAT	A50091349V	1866, SUNGAI UDANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.2 ha		2
Seberang Prai Selatan	CHUAN HENG FISHERY	SYARIKAT	PG0322160H	724 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3 ha		4
Seberang Prai Selatan	WAI CHYE FISHERY	SYARIKAT	PG0423614D	1346 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2 ha		4
Seberang Prai Selatan	FU LIANG ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0364632A	TBP 6518 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	5 ha		5
Seberang Prai Selatan	HENG ONG HUAT 88 FISHERY	SYARIKAT	PG0429636U	504, SUNGAI UDANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	42 ha		13
Seberang Prai Selatan	KHOON CHUA ENTERPRISE	SYARIKAT	001956170D	LOT 277 SUNGAI UDANG, MUKIM 10	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.83 ha		4
Seberang Prai Selatan	LIAM CHUAN HO FISHERY	SYARIKAT	PG0322158T	NO. 804 SUNGAI UDANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.63 ha		5
Seberang Prai Selatan	HN AQUACULTURE ENTERPRISE (TAN)	SYARIKAT	CT0075181P	2A LORONG NURI INDAH 1, TAMAN NURI INDAH	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.4 ha		4
Seberang Prai Selatan	JIA JING AQUACULTURE TRADING	SYARIKAT	003052910X	1834, SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.5 ha		4
Seberang Prai Selatan	LOO TIANG LIN	INDIVIDU	PP02-46	TBP 1371, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.83 ha		8
Seberang Prai Selatan	HONG CHIN FARM	SYARIKAT	PG0222605A	NO.2537 SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	4.6 ha		10
Seberang Prai Selatan	ENG HAI SING FISHERY ENTERPRISE	SYARIKAT	PF0116423	NO.320, JALAN BESAR, TANJONG PIANDANG, PERAK	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	4.6 ha		8
Seberang Prai Selatan	WHI FISHERY SDN.BHD.	SYARIKAT	1400212D	117, BAGAN SEBERANG, 14350 KUALA KURAU, PERAK.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	15.8 ha		15
Seberang Prai Selatan	FITRAH NOR PERMAI	SYARIKAT	PG0392037U	NO.35, LORONG BELATUK 6, TAMAN BELATUK, JALAN BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Tilapia Merah	2.1 ha		7
Seberang Prai Selatan	JEEK FARM	SYARIKAT	841031076267	LOT 2096, MK 16, JALAN GAJAH MATI, TASEK JUNJONG, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Puyu	1 ha		3
Seberang Prai Selatan	PIN JIA ENTERPRISE	SYARIKAT	002395013U	NO.1928, KAMPUNG JAWI, 14200 SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.4 ha		11
Seberang Prai Selatan	BAN SOON THONG TRADING	SYARIKAT	003174286A	19 JALAN PERMAI 2/4, TAMAN KERIAN PERMAI, 34200 PARIT BUNTAR	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.85 ha		2
Seberang Prai Selatan	TAN CHONG HONG	INDIVIDU	PP02-49	1891, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.23 ha		5
Seberang Prai Selatan	MF FISHERY	SYARIKAT	001997030A	NO.1476, SUNGAI UDANG,14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.23 ha		8
Seberang Prai Selatan	ENG HAI SING FISHERY ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0116423W	NO.320, JALAN BESAR, TANJONG PIANDANG, 34250 TANJONG PIANDANG, PERAK	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	5.3 ha		10
Seberang Prai Selatan	HAI SHUN FISH FARM(KHOR WEI THONG)	SYARIKAT	PG0378352D	1878 SUNGAI UDANG,14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	7 ha		5
Seberang Prai Selatan	TAI LEE AQUACULTURE	SYARIKAT	PG0477551H	1716 SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	0.5 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR MEOW CHEW	INDIVIDU	PP02-50	NO. 11-A, LORONG CENDERAWASH, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	4.8 ha		4
Seberang Prai Selatan	KOOI LONG ENTERPRISE(CH'NG HUNG PING)	SYARIKAT	003220025H	1562 SUNGAI UDANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	0.35 ha		10
Seberang Prai Selatan	KHAW CHEW KHENG	INDIVIDU	590419085705	NO.1667, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.618 ha		7
Seberang Prai Selatan	TAN HEE CHIN	INDIVIDU	670829075251	TBP 2466 SUNGAI UDANG,	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	3.4 ha		6
Seberang Prai Selatan	TAN HEE SENG	INDIVIDU	PP02-52	1902, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.8 ha		1
Seberang Prai Selatan	KHOR HAR THONG	INDIVIDU	PP02-53	NO. 1941, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.82 ha		1
Seberang Prai Selatan	CENTURY AQUACULTURE	SYARIKAT	PP02-55	508, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	3.03 ha		6
Seberang Prai Selatan	TAN CHOON HEE	INDIVIDU	PP02-56	589, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1 ha		120
Seberang Prai Selatan	TANG CHOON ANG	INDIVIDU	PP02-57	1803, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.21 ha		4
Seberang Prai Selatan	KHAK HOCK CHAI	INDIVIDU	317	2231, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62 ha		3
Seberang Prai Selatan	LEE OOI KENG	INDIVIDU	PP02-60	1828, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.21 ha		1
Seberang Prai Selatan	KHOR WOOI YAM	INDIVIDU	PP02-61	912, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.81 ha		2
Seberang Prai Selatan	KHOR CHOON TEE	INDIVIDU	PP02-62	2890, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2.87 ha		4
Seberang Prai Selatan	TANG HANG KOH	INDIVIDU	PP02-63	304, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62 ha		4
Seberang Prai Selatan	KHOR KWONG CHIN	INDIVIDU	PP02-64	1782, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62 ha		4
Seberang Prai Selatan	KHOR YAM LIEW	INDIVIDU	PP02-65	168, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.54 ha		2
Seberang Prai Selatan	LOH CHOON HOCK	INDIVIDU	PP02-67	1819, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.81 ha		8
Seberang Prai Selatan	TAN HEE THIAM	INDIVIDU	PP02-68	2491, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2 ha		10
Seberang Prai Selatan	CHUAN YEAK ENTERPRISE KHOR TIANG SIN	SYARIKAT	PP02-69	1875, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Kerapu	4.45 ha		4
Seberang Prai Selatan	WONG TUCK CHOY	INDIVIDU	PP02-7	NO. 75, LORONG BIDARA 13, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	3.2 ha		20
Seberang Prai Selatan	CHENG PENG KIAT	INDIVIDU	PP02-71	1729, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Jenahak,Kerapu,Pelbagai AP	1.61 ha		1
Seberang Prai Selatan	CHING SIEW GAIK	INDIVIDU	PP02-72	1697, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.62 ha		3
Seberang Prai Selatan	TANG CHEAN KHENG	INDIVIDU	PP02-73	304, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.26 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR THIAN CHUAN	INDIVIDU	PP02-74	1875, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.2 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR BOON HUAT	INDIVIDU	PP02-75	2102, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.24 ha		4
Seberang Prai Selatan	KWA TEIK FISHERY	SYARIKAT	PG0119429H	1544, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	5 ha		9
Seberang Prai Selatan	NG HUNG BOO	INDIVIDU	PP02-77	1643, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.54 ha		4
Seberang Prai Selatan	FARM VALLEY SDN BHD	SYARIKAT	148	553, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.82 ha		20
Seberang Prai Selatan	KHOR CHIN LEONG	INDIVIDU	PP02-80	1890, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.78 ha		4
Seberang Prai Selatan	ABD RAZAK BIN DIN	INDIVIDU	PP02-8	504, PADANG LALANG, TASEK, 14120 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1 ha		1
Seberang Prai Selatan	NG JOO KUAN	INDIVIDU	PP02-81	724, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.21 ha		4
Seberang Prai Selatan	GOEY SEOK CHENG(AEON VIEW SDN BHD)	INDIVIDU	PP02-83	2186, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Kerapu,Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.1 ha		2
Seberang Prai Selatan	HOO AH MIN	INDIVIDU	PP02-84	1834, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.4 ha		2
Seberang Prai Selatan	HOO CHUN KIM	INDIVIDU	PP02-85	1834, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.8 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR CHEW JOO	INDIVIDU	PP02-86	2546, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	5.8 ha		19
Seberang Prai Selatan	KHOR DI OOI	INDIVIDU	PP02-87	1697, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0.8 ha		30
Seberang Prai Selatan	POH CHEAP HENG	INDIVIDU	PP02-88	49, LORONG TEMPUA 2, TAMAN GOLDEN JADE, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.62 ha		2
Seberang Prai Selatan	TEHO SOON LEE	INDIVIDU	PP02-89	519, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.42 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR JOO SIN	INDIVIDU	PP02-90	2143, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.99 ha		4
Seberang Prai Selatan	MOHD FAZLI BIN MOHD NOOR	SYARIKAT	PP02-9	525, KG PADANG LALANG, TASEK, 14120 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli,Puyu,Pelbagai AT	1 ha		3
Seberang Prai Selatan	KHOR SEAT HOY	SYARIKAT	PP02-96	525, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	0 ha		1
Seberang Prai Tengah	WL AQUATIC	SYARIKAT	986014A	TKPM JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Jenahak,Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	0.47578 ha		20
Seberang Prai Tengah	JURU AQUACULTURE SDN. BHD.	SYARIKAT	949967M	836, (KOLAM UDANG), JON KUALA JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	14.24 ha		33
Seberang Prai Tengah	EKO AQUACULTURE SDN. BHD. JURU FARM	SYARIKAT	LATERUPDATE	LOT 876, 878, 880 DAN 882, MK 12, JALAN BUKIT TAMUNG, JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.48 ha		8
Seberang Prai Tengah	MOHD KHOSAM BIN ABDUL HAMID	INDIVIDU	740215026253	F-32 SIMPANG SEHAHTERA, KAMPUNG LOBAK MABUNG, 09500 KARANGAN, KEDAH	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.1 ha		3
Seberang Prai Tengah	WELLEAN AQUACULTURE	SYARIKAT	PP03-11	PDC KUALA JURU...LOT 1346, NO 3057 N/TO 2ND CONS KG SEKOLAH JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	70 ha		20
Seberang Prai Tengah	ABDUL HADI B ARSHAD	INDIVIDU	480228075443	T5 5774, MK. 15, CHEROK TOK KUN, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.05 ha		2
Seberang Prai Tengah	TEOH HAK HING	INDIVIDU	540817075419	NO. 1008, JALAN BESAR PERMATANG TINGGI 14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	1 ha		5
Seberang Prai Tengah	EKO AQUACULTURE	SYARIKAT	523910M	LOT 1433, MK. 12, JALAN JURU ESTATE, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	1.0246 ha		4
Seberang Prai Tengah	AZMAN BIN BAHAROM	INDIVIDU	720319075369	NO 18 LORONG BIDARA 7, TAMAN BIDARA, 14020 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.1522 ha		3
Seberang Prai Tengah	AZMAN BIN BAHAROM	INDIVIDU	720319075369	NO 18 LORONG BIDARA 7, TAMAN BIDARA, 14020 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.46 ha		4
Seberang Prai Tengah	EKO AQUACULTURE	SYARIKAT	523910M	LOT 1433, MK. 12, JALAN JURU ESTATE, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	2 ha		7

NAMA DAERAH	NAMA PENTERNAK	JENIS PEMILIK	NO KP ROC	ALAMAT PENTERNAK	JENIS AKUA	NAMA SISTEM TERNAKAN	NAMA SPESIS	KELUASAN LADANG	UKURAN UNIT	BILANGAN UNIT
Seberang Prai Tengah	EKO AQUACULTURE	SYARIKAT	523910M	LOT 1433, MK. 12, JALAN JURU ESTATE, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	2.02 ha		7
Seberang Prai Tengah	SURIA TI	INDIVIDU	8888		AIR TAWAR	Kolam Air Tawar		1 ha		3
Seberang Prai Tengah	MUHAMMAD ZAHID BIN ROSLI	INDIVIDU	900501075523	5129,Lrg 1 Tmn Janggus,Kampung Pertama	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Haruan	0.2 ha		13
Seberang Prai Tengah	KIM TAU AQUACULTURE SDN BHD	SYARIKAT	1042587K	1298, BAGAN, BUKIT TAMBUN, 14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	1.8 ha		5
Seberang Prai Tengah	KEE FARM ( OOI CHIAK KEE )	SYARIKAT	PG0455170D	NO. 469 MK 16, TASEK JUNJUNG, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Puyu	0.1529 ha		2
Seberang Prai Tengah	GOURMET ONE FOOD SERVICE MALAYSIA SDN BHD	SYARIKAT	813663W	NO.3, LORONG K'S SIMPANG AMPAT D, MUKIM 15 KAWASAN INDUSTRI SIMPANG AMPAT	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	1.512 ha		4
Seberang Prai Tengah	GST AQUACULTURE(BATU KAWAN) SDN BHD	SYARIKAT	712944P	NO.3, LORONG K'S SIMPANG AMPAT D, MK 15 KAW INDUSTRI SIMPANG AMPAT	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Jenahak,Siakap,Udang Harimau	10.84 ha		27
Seberang Prai Tengah	SUN OCEAN AQUACULTURE	SYARIKAT	PP03-5	3, LORONG INDUSTRI 13, BUKIT PANCHOR INDUSTRI PARK, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Jenahak,Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	3.59 ha		7
Seberang Prai Tengah	WEI SIN SOLUTION ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0228479V	No.837,Jalan 6,Kampung Valdor,	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	2.5 ha		13
Seberang Prai Tengah	WEI LEAN AQUACULTURE(KG.SEKOLAH)	SYARIKAT	737909M	9022 JALAN BESAR TANJUNG BEREMBANG, NIBONG TEBAL, 14310	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih	7.9985 ha		19
Seberang Prai Tengah	ANJUNG MERAH ENTERPRISE (RAMBELI BIN ISMAIL)	SYARIKAT	PG0465627T	TS 5734 KAMPUNG TENGAH, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Tilapia Merah	0.069677 ha		1
Seberang Prai Tengah	MIRACLE MEDALLION CENTRE (MOHD ROSHAIDI)	SYARIKAT	PH0339085M	LOT 465, MUKIM 19, MENKLUANG, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar		0.023225 ha		25
Seberang Prai Tengah	SAAD BIN ISHAK	INDIVIDU	711203075127	16 LINTANG PERMAI 2, TAMAN KOTA PERMAI	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Puyu	0.4 ha		10
Seberang Prai Tengah	OCEANIC HARBOR SDN BHD	SYARIKAT	202001024092	11 A LORONG PANCUR PERMAI 2, TAMAN PANCUR PERMAI, 14300 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	3.4698 ha		14
Seberang Prai Tengah	CHENG GONG BREEDING ( TAN HAW KHOON )	SYARIKAT	1408581K	8-14-A JALAN PERUSAHAAN RINGAN 1, PANGSAPURI SRI MEKAR , 13400 BUTTERWORTH, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Udang Kara	1.96 ha		13
Seberang Prai Tengah	OMEGA DIRECT SDN. BHD.	SYARIKAT	692548P	TKPM JURU, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Udang Putih,Pelbagai AP	0.474201 ha		20
Seberang Prai Tengah	KHOR CHAI TIAM	INDIVIDU	731117075153	1960, SUNGAI UDANG, 14310 NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap	2 ha		10
Seberang Prai Tengah	CHOO SONG ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0326001H	93, LORONG 9/551, BANDAR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	2.46 ha		18
Seberang Prai Utara	CHE OMAR BIN HARON	INDIVIDU	590222075415	3515, BUMBUNG LIMA, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Patin	0.4 ha		9
Seberang Prai Utara	IMAM MANADI ENTERPRISE (ROBIN)	SYARIKAT	003568646P	LOT 1482 A N/TO, JALAN MERBAU KUDONG, SUNGAI DUA, 13310 TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli,Puyu,Pelbagai AT	1.21 ha		24
Seberang Prai Utara	NOOR SYAFIZAN BIN AHMAD	INDIVIDU	800621075431	534, PERMATANG JANGGUS,13100, PENAGA, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.3 ha		13
Seberang Prai Utara	ASLIZAN BIN JAMALUDDIN	INDIVIDU	751202025933	7105, GUAR TUAN SYED, 13100, PENAGA, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.28 ha		6
Seberang Prai Utara	LEE CHING CHENG	INDIVIDU	520525075267	1727, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Tilapia Merah	0.011 ha		2
Seberang Prai Utara	AMRAN BIN ABD AZIZ	SYARIKAT	AS0432577H	1367, LAHAR IKAN MATI, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli,Puyu,Pelbagai AT	0.07 ha		7
Seberang Prai Utara	MOHD ZAIRULNIZAM BIN JAMALUDIN	INDIVIDU	801129075557	6476, KG LEMBAH, 13100 PENAGA, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.24 ha		9
Seberang Prai Utara	MOHD FIRDAUS BIN YUSOF	SYARIKAT	PP04-36	AYER ITAM, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.01 ha		2
Seberang Prai Utara	FARMGROUP SDN. BHD (MR. ROY)	SYARIKAT	856988V	KG. 20, PASIR GEBU, 13100 PENAGA, PULAU PINANG	AIR PAYAU	Kolam Air Payau	Siakap,Tilapia Merah	25 ha		43
Seberang Prai Utara	MOHD FIKRI BIN ISMAIL	INDIVIDU	880630355227	9338,Ayer Itam,13300 Tasek Gelugor,Pulau Pinang	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.2 ha		1
Seberang Prai Utara	PERNIAGAAN PERIKANAN SAM YU (TAN TANG SONG)	SYARIKAT	AS0160712H	2543,Tingkat Selamat 10,Kg.Selamat,13300 Tasek Gelugor,SPU	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	6.4 ha		20
Seberang Prai Utara	MYSARA GLOBAL VENTURE	SYARIKAT	PG0427193D	36,LORONG PENGKALAN MACHANG 4,TAMAN SERI MURNI,SUNGAI DUA	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar		0.01 ha		10
Seberang Prai Utara	ARSHAD AGRO ENTERPRISE	SYARIKAT	PG0398382	BLOK 19-G-04,TAMAN DESA MURNI,SUNGAI DUA	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.3 ha		12
Seberang Prai Utara	MOHD KHAIRUL AMIRUDIN BIN MOHD SABRI	INDIVIDU	910625025789	8934 PERMATANG PAK ELONGE100 PENAGA SEBERANG PERAI UTARAPULAU PINANG	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli	0.5 ha		8
Seberang Prai Utara	ABDUL JALIL BIN HARUN	INDIVIDU	681015075221	DARUL MUHAJIRIN PENGKALAN SANGA, PADANG CEMPEDAK, 13300 TASEK GELUGOR, PULAU PINANG.	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Keli,Puyu,Tilapia Merah	0.28 ha		4
Seberang Prai Utara	JIMMY IKAN KOLAM ENTERPRISE (SAIFULLAH JENEMY)	INDIVIDU	JR0141007K	NO.4397, JALAN DUA LAHAR BUBU	AIR TAWAR	Kolam Air Tawar	Tilapia Merah	0.03 ha		1

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

8. Taman Eko Rimba Bukit Mertajam.
- (a) Senaraikan aset-aset yang diurus oleh Jabatan Perhutanan Negeri mengikut status sama ada disewa, kadar sewa dan kos penyelenggaraan sebulan.
  - (b) Terangkan secara terperinci proses pemilihan penyewa premis-premis serta cabaran yang dihadapi.
  - (c) Bila tandas awam akan siap dibaiki untuk kegunaan orang ramai?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Taman Eko Rimba (TER) Bukit Mertajam meliputi kompleks Pejabat Pentadbiran Pejabat Renjer Hutan Bukit Mertajam yang merangkumi sebuah Pejabat Pentadbiran, bangunan tapak samaian, stor penyimpanan, tiga (3) buah kuarters kediaman kakitangan dan sebuah surau yang boleh digunakan oleh orang awam dan pengunjung TER. Selain daripada itu, kompleks ini mengandungi sembilan (9) buah premis yang disediakan kepada orang ramai secara sewaan untuk menjalankan aktiviti perniagaan kecil.

**Jadual 1: Senarai Aset Yang Dimiliki Oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam**

No.	Nama Premis	Bilangan Unit	Penerangan
1	Pejabat Pentadbiran Renjer	1	Pentadbiran Jabatan
2	Pejabat Unit Semaian	1	
3	Stor	1	
4	Kuarters Kediaman Kakitangan	3	
5	Pejabat Unit Semaian	1	
6	Surau	1	Pentadbiran Jabatan/ Kegunaan awam
7	Gerai Buah	4	Kegunaan awam secara sewaan
8	Kantin	1	
9	Chalet	5	
10	Tapak Hexagon	1	
11	Tea Spa	1	
12	Tandas	1	

Kesemua premis ini diselenggara oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri dengan kos purata berjumlah RM300,000 setahun (anggaran 25,000 sebulan) melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan tersebut juga digunakan bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut iaitu:

- (i) Menaik taraf dan menyelenggara kemudahan-kemudahan asas sedia ada seperti bangunan pejabat pentadbiran, tandas awam dan pondok rehat, kolam mandi, tapak perkhemahan, gerai-gerai serta kemudahan premis lain;
- (ii) mewujudkan kemudahan baharu untuk aktiviti rekreasi seperti denai hutan dan laluan pejalan kaki; dan
- (iii) pengurusan pokok berbahaya untuk tujuan keselamatan pengunjung.

- (b) Proses tawaran sewaan kepada orang ramai bagi kesemua premis di Taman Eko Rimba (TER) Bukit Mertajam adalah secara sebut harga terbuka seiring dengan prosedur Kerajaan iaitu Pekeliling Perbendaharaan.

Pemilihan penyewa adalah berdasarkan kepada nilai tawaran sewaan yang munasabah berpandukan penilaian harga pasaran oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta sebelum diputuskan melalui Jawatankuasa Pemutus Sebut harga seiring dengan Pekeliling Perbendaharaan. Penyewa terpilih kemudiannya tertakluk kepada syarat-syarat dan tempoh sewaan yang dikenakan oleh pihak Jabatan menerusi kontrak sewaan.

Pada ketika ini sebanyak 2 buah premis iaitu tapak hexagon dan Chalet masih dalam pembaikan dan belum dibuka untuk sewaan, manakala lapan (8) buah premis lain telah pun ditawarkan kepada penyewa melalui proses sebut harga.

- (c) Taman Eko Rimba Bukit Mertajam telah dibuka sepenuhnya kepada orang ramai bermula Februari 2024 susulan kerja-kerja pembaikan cerun di sepanjang laluan pejalan kaki sehingga ke puncak Bukit Mertajam telah selesai sepenuhnya pada 18 Januari 2024. Semua aktiviti riadah termasuk premis sewaan jabatan telah kembali beroperasi seperti sedia kala. Walau bagaimanapun, tandas awam tidak dapat berfungsi sepenuhnya susulan insiden pokok tumbang pada akhir tahun 2023 yang menyebabkan kerosakan struktur dan atap bangunan tersebut.

Pada ketika ini, kerja-kerja pembaikan tandas sedang dilaksanakan oleh kontraktor yang telah dilantik pada 29 April 2024. Kerja-kerja pembaikan ini mengambil masa selama 12 minggu dan tandas sementara akan disediakan bagi kegunaan umum berdasarkan kepada spesifikasi kerja yang telah ditetapkan kepada kontraktor yang dilantik.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

9. Menoktahkan miskin tegar.
- (a) Terangkan secara terperinci tentang status terkini berkenaan bilangan keluarga miskin tegar mengikut daerah, kaum dan gender.
  - (b) Senaraikan bilangan penerima e-Kasih mengikut KADUN serta bantuan yang dihulurkan kepada mereka setiap bulan.
  - (c) Sejauh manakah Indeks Kemiskinan Multidimensi diguna pakai dalam usaha menoktahkan kemiskinan?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Miskin Tegar (MT) di negeri Pulau Pinang telah dinoktahkan pada 30 April 2024. Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah mengunci data eKasih pada Januari 2023 dengan bilangan 4,949 Ketua Isi Rumah (KIR) yang masih dalam kategori miskin tegar dan perlu diberi tumpuan untuk dinoktahkan. Kerajaan Persekutuan telah memberi tumpuan kepada data yang dikunci tersebut memandangkan data eKasih bersifat dinamik. Justeru, data KIR Miskin Tegar yang dikunci dengan jumlah 4,949 telah berjaya dinoktahkan pada 30 April 2024. Proses verifikasi bancian ke atas permohonan eKasih dan proses pemutihan data sentiasa dilaksanakan dan disebabkan proses tersebut, data miskin tegar masih wujud di dalam Sistem eKasih. Perincian bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar

mengikut daerah, kaum dan gender adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Sistem eKasih merupakan pengkalan data kemiskinan nasional yang menjadi rujukan tunggal dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) merupakan pemilik kompetensi kepada sistem tersebut. ICU, JPM bukanlah agensi pemberi bantuan, sebaliknya hanya bertindak sebagai agensi yang membekalkan data kemiskinan kepada jabatan/ agensi pemberi bantuan.

Walaupun bagaimanapun, JKM Pulau Pinang dapat kongsi jumlah penerima bantuan JKM negeri Pulau Pinang mengikut KADUN adalah seperti dalam **LAMPIRAN B**.

- (c) Penentuan kategori kemiskinan sama ada miskin atau miskin tegar di dalam Sistem eKasih adalah berpandukan kepada kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Perkapita bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) dan penentuan dibuat secara automatik oleh sistem. Indeks Kemiskinan Multidimensi masih belum diguna pakai dalam sistem eKasih. Justeru, buat masa sekarang usaha menoktahkan kemiskinan tidak menggunakan Indeks Kemiskinan Multidimensi.

## BILANGAN KIR MISKIN TEGAR TERKINI MENGIKUT DAERAH, KAUM DAN JANTINA

DAERAH / KAUM	BIL. KIR LELAKI	BIL. KIR PEREMPUAN	JUMLAH BESAR
<b>Barat Daya</b>	<b>231</b>	<b>122</b>	<b>353</b>
Cina	25	9	34
India	18	11	29
Lain-lain	1	-	1
Melayu	187	102	289
<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>291</b>	<b>180</b>	<b>471</b>
Cina	27	15	42
India	62	68	130
Melayu	202	97	299
<b>Seberang Perai Tengah</b>	<b>421</b>	<b>285</b>	<b>706</b>
Cina	46	32	78
India	48	76	124
Lain-lain	-	3	3
Melayu	327	174	501
<b>Seberang Perai Utara</b>	<b>840</b>	<b>485</b>	<b>1,325</b>
Cina	40	32	72
India	60	78	138
Lain-lain	3	-	3
Melayu	737	375	1,112
<b>Timur Laut</b>	<b>284</b>	<b>302</b>	<b>586</b>
Cina	105	106	211
India	72	72	144
Lain-lain	1	1	2
Melayu	106	123	229
<b>JUMLAH KIR MISKIN TEGAR</b>	<b>2,067</b>	<b>1,374</b>	<b>3,441</b>

\*Data eKasih bertarikh 31 Mac 2024 [ICU, JPM Pulau Pinang]

## LAMPIRAN B

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI  
PULAU PINANG MENGIKUT KAWASAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN)**

<b>BIL.</b>	<b>KADUN</b>	<b>BILANGAN PENERIMA BANTUAN</b>
1	N.01 PENAGA	822
2	N.02 BERTAM	688
3	N.03 PINANG TUNGGAL	509
4	N.04 PERMATANG BERANGAN	769
5	N.05 SUNGAI DUA	561
6	N.06 TELOK AIR TAWAR	387
7	N.07 SUNGAI PUYU	650
8	N.08 BAGAN JERMAL	716
9	N.09 BAGAN DALAM	466
10	N.10 SEBERANG JAYA	736
11	N.11 PERMATANG PASIR	462
12	N.12 PENANTI	566
13	N.13 BERAPIT	277
14	N.14 MACHANG BUBOK	1242
15	N.15 PADANG LALANG	574
16	N.16 PERAI	340
17	N.17 BUKIT TENGAH	525
18	N.18 BUKIT TAMBUN	579
19	N. 19 JAWI	757
20	N.20 SUNGAI BAKAP	942
21	N.21 SUNGAI ACHEH	558
22	N.22 TANJUNG BUNGA	674
23	N.23 AIR PUTIH	399
24	N.24 KEBUN BUNGA	381
25	N.25 PULAU TIKUS	87
26	N.26 PADANG KOTA	99
27	N.27 PENGKALAN KOTA	435
28	N.28 KOMTAR	457
29	N.29 DATOK KERAMAT	530
30	N.30 SUNGAI PINANG	899
31	N.31 BATU LANCHANG	544
32	N.32 SERI DELIMA	570
33	N.33 AIR ITAM	1081
34	N.34 PAYA TERUBOONG	665
35	N.35 BATU UBAN	395
36	N.36 PANTAI JEREJAK	329
37	N.37 BATU MAUNG	555
38	N.38 BAYAN LEPAS	884
39	N.39 PULAU BETONG	664
40	N.40 TELOK BAHANG	438
<b>JUMLAH</b>		<b>23,212</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

10. *Ulu Muda Basin Authority (UMBA).*

- (a) Apakah status terkini dalam usaha membentuk Pihak Berkuasa UMBA bagi memelihara sumber air mentah bagi negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang?
- (b) Apakah peranan Kerajaan Persekutuan dalam usaha pertubuhan UMBA apabila Kerajaan Negeri Kedah menolak cadangan tersebut?
- (c) Apakah jalan keluar yang boleh dipertimbangkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan pembentukan penubuhan pihak berkuasa UMBA bagi memelihara sumber air mentah bagi negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang melalui pelbagai platform seperti Majlis Air Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan penglibatan semua negeri termasuk Kedah, Perlis dan Pulau Pinang setiap tahun. Penubuhan UMBA ini adalah untuk mengurus dan melindungi Lembangan Ulu Muda (terutamanya 163,000 hektar kawasan hutan hujan) yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air yang paling penting dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerajaan Negeri melalui PBAPP juga telah mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri tentang kepentingan dan keperluan untuk memelihara Kawasan Tadahan Ulu Muda dan Lembangan Sg. Muda sebagai sumber utama bekalan air mentah dengan

menubuhkan UMBA melalui surat bertarikh 30 Mac 2021 dan perkara ini telah disuarakan berulang kali semasa berlakunya Insiden Sungai Muda pada bulan Mei 2023.

- (b) Kerajaan Persekutuan perlu berperanan sebagai pemudah cara dalam memastikan objektif utama pembentukan UMBA ini dapat diterima oleh negeri Kedah dan Perlis demi memelihara kawasan tadahan Ulu Muda daripada ancaman kualiti dan kuantiti untuk keterjaminan sumber bekalan air dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ini. Perkara ini juga telah dibangkitkan semasa Mesyuarat Majlis Air Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 31 Oktober 2023 supaya Kerajaan Persekutuan terus menjadi pemudahcara dalam merealisasikan penubuhan UMBA ini.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Agensi/Jabatan Kerajaan akan sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan sumber air terpelihara terutama melibatkan Sungai Muda yang menjadi sumber air mentah utama bukan sahaja kepada negeri Pulau Pinang malah kepada negeri Kedah dan Perlis. Sehingga kini, pemantauan dilaksanakan secara berterusan secara bersepadu dan segala aktiviti yang memberi kesan kepada pengabstrakan sumber air akan dilaporkan melalui Jabatan/Agensi yang berkaitan. Kerajaan Negeri juga berharap Kerajaan Persekutuan dapat bertindak sebagai pemudah cara dalam memastikan pembentukan UMBA ini dapat dilaksanakan untuk kepentingan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

11. Traffic Impact Assessment (TIA).

- (a) Terangkan secara terperinci tentang kajian lalu lintas dibuat oleh pemaju Iconic Harmony di persimpangan Jalan Rozhan dan Jalan Alma.
- (b) Berapa tempat letak kereta disediakan oleh pihak pemaju untuk projek tersebut?
- (c) Nyatakan usaha jangka masa pendek dan panjang bagi menangani kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. *Traffic Impact Assessment* (TIA) adalah kaedah yang digunakan dalam membuat perancangan yang melibatkan aliran trafik dan penyambungan ke jalan alternatif. Berdasarkan *REAM Guidelines for Traffic Impact Assessment, TIA* (2011) dan *Guideline for Traffic Impact Assessment, TIA* (2018), menyatakan bahawa TIA diguna pakai bagi setiap pembangunan yang mempunyai kriteria seperti penjanaaan perjalanan waktu puncak, penjanaaan perjalanan bukan pada waktu puncak, saiz pembangunan perumahan dan saiz pembangunan komersial.
- (a) Hasil daripada kajian TIA di persimpangan Jalan Rozhan dan Jalan Alma telah menetapkan keperluan kepada pemaju Iconic Harmony untuk menyediakan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kerja-kerja pelebaran Jalan Rozhan ke enam (6) lorong dua (2) hala dengan pembahagi jalan dari Jalan Alma hingga Lorong Alma Jaya 11;
  - (ii) Menaik taraf persimpangan Jalan Rozhan/Jalan Alma/Jalan Seladang hingga garisan *Right Of Way* (R.O.W) jalan; dan
  - (iii) Melaksanakan kerja-kerja pembinaan *dedicated 'U' turn* sebelum persimpangan Jalan Rozhan dengan Jalan Alma.
- (b) Berdasarkan pelan MBSP/70/39-45/107B.2 (18A) yang telah diluluskan pada 23 November 2022, Tempat Letak Kenderaan (TLK) yang disediakan oleh pihak pemaju untuk projek tersebut adalah sebanyak 1,514 unit.
- (c) Usaha jangka masa pendek dan panjang bagi menangani kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut adalah seperti berikut:

**(1) Usaha jangka masa pendek**

- (a) Melaksanakan isyarat “dilarang belok kanan” dari arah Jalan Rozhan ke Taman Desa Palma bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Alma;
- (b) Melaksanakan sistem lampu isyarat berfasa bagi "belok kiri" yang asalnya "beri laluan" di persimpangan Jalan Permatang Tinggi dengan Jalan Rozhan;
- (c) Melaksanakan isyarat "belok kiri jika tiada kenderaan dan pejalan kaki" dari Jalan Alma ke Jalan Rozhan dan dari Jalan Seladang ke Jalan Rozhan;
- (d) Melaksanakan jalan sehalu di kawasan Pasar Awam Taman Selamat;
- (e) Melaksanakan pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W jalan dari persimpangan Jalan Seladang hingga Lorong Alma Jaya 11. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM Tetuan Iconic Maison Sdn. Bhd. dan pemaju perlu siapkan pelebaran jalan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan;

- (f) Pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W jalan dari ROB Alma hingga persimpangan Jalan Kota Permai termasuk pembinaan pembahagi jalan. Kerja-kerja naik taraf sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan dijangka siap Ogos 2024; dan
- (g) Menaik taraf persimpangan Jalan Alma dengan Jalan Kota Permai kepada persimpangan bulatan. Kerja-kerja naik taraf sedang dilaksanakan oleh pihak PDC dan dijangka siap Ogos 2024.

(2) **Usaha jangka masa panjang**

- (a) Menaik taraf persimpangan Jalan Rozhan dengan Jalan Alma kepada persimpangan bertingkat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

12. Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

- (a) Terangkan status terkini tentang operator yang mengendalikan tapak serta kos-kos yang perlu dibayar oleh MBSP mengikut bulan sejak permulaan perjanjian.
- (b) Apakah status pelaksanaan rehabilitasi Fasa 1 yang dikendalikan oleh AE Carbon Capital Sdn. Bhd.?
- (c) Sejauh manakah Fasilitas Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu dilaksanakan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Sejak 1 Ogos 2022, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) setelah Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. ditamatkan. Sepanjang tempoh tersebut, MBSP telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja di tapak. Kos-kos yang dikeluarkan oleh MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Status pelaksanaan Projek Rehabilitasi Fasa 1, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung adalah seperti berikut:
- (i) *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diperoleh daripada pihak Jabatan Alam Sekitar pada 8 Februari 2024;

- (ii) *Environmental Management Plan (EMP)* masih dalam peringkat kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar;
  - (iii) Pelan Bangunan telah diperoleh daripada pihak MBSP pada 21 Mac 2024; dan
  - (iv) Projek tersebut dijangka bermula pada bulan November 2024.
- (c) Pembangunan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)*, Ampang Jajar telah mencecah 37.38% setakat Mac 2024. Fasiliti tersebut dijangka akan beroperasi mulai Februari 2025. Status pelaksanaan projek tersebut adalah seperti berikut:
- (i) *Environmental Impact Assessment (EIA)* telah diperoleh daripada pihak Jabatan Alam Sekitar pada 30 Mei 2023;
  - (ii) *Environmental Management Plan (EMP)* telah diperoleh daripada pihak Jabatan Alam Sekitar pada 2 Januari 2024;
  - (iii) Pelan Bangunan telah diperoleh daripada pihak MBSP pada 30 Ogos 2023; dan
  - (iv) Pelan Jalan dan Parit telah diperoleh daripada pihak MBSP pada 6 Mac 2024.

**LAMPIRAN**

	<b>2022</b>				
	<b>Ogos RM</b>	<b>September RM</b>	<b>Oktober RM</b>	<b>November RM</b>	<b>Disember RM</b>
<b>Pengurusan Jambatan Timbang</b>	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00
<b>Bekalan tanah merah dan kasaran</b>	528,549.60	635,694.16	466,342.17	510,553.99	768,688.97
<b>Perkhidmatan Jentera</b>	429,029.70	411,969.00	441,097.80	421,148.60	417,767.20
<b>Pengurusan air larut resap</b>	0.00	0.00	47,663.55	225,734.85	298,829.85
<b>Jumlah</b>	982,079.30	1,072,163.16	979,603.52	1,181,937.44	1,509,786.02
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>RM5,725,569.44</b>				

	<b>2023</b>											
	<b>Januari RM</b>	<b>Februari RM</b>	<b>Mac RM</b>	<b>April RM</b>	<b>Mei RM</b>	<b>Jun RM</b>	<b>Julai RM</b>	<b>Ogos RM</b>	<b>September RM</b>	<b>Oktober RM</b>	<b>November RM</b>	<b>Disember RM</b>
<b>Pengurusan Jambatan Timbang</b>	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00	24,500.00	23,500.00	23,500.00	23,500.00	23,500.00	23,500.00
<b>Bekalan tanah merah dan kasaran</b>	98,118.76	840,873.11	594,262.48	639,283.14	663,463.79	530,791.93	729,690.74	660,285.28	443,090.47	551,919.91	559,872.96	365,849.08
<b>Perkhidmatan Jentera</b>	447,722.80	405,556.00	480,604.00	443,981.00	440,981.20	437,356.00	434,812.00	454,263.00	421,191.00	422,908.20	409,266.00	469,569.40
<b>Pengurusan air larut resap</b>	151,969.95	240,589.80	236,710.65	219,431.85	245,937.45	247,643.55	245,600.85	228,594.30	165,372.90	178,897.95	297,204.60	289,043.70
<b>Jumlah</b>	1,422,311.51	1,511,518.91	1,336,077.13	1,327,195.99	1,374,882.44	1,240,291.48	1,434,603.59	1,366,642.58	1,053,154.37	1,177,226.06	1,289,843.56	1,147,962.18
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>15,681,709.80</b>											

	2024		
	Januari (RM)	Februari (RM)	Mac (RM)
<b>Pengurusan Jambatan Timbang</b>	23,500.00	23,500.00	23,500.00
<b>Bekalan tanah merah dan kasar</b>	508,579.82	995,087.58	1,358,537.68
<b>Perkhidmatan Jentera</b>	469,569.40	452,492.80	492,825.60
<b>Pengurusan air larut resap</b>	240,301.15	220,999.00	201,509.30
<b>Jumlah</b>	1,241,950.37	1,692,079.38	2,076,372.58
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>RM5,010,402.33</b>		

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

13. Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.

- (a) Nyatakan status terkini tentang Joint Development Agreement (JDA) bagi projek penutupan selamat, penyediaan tapak baru dan pembangunan baru.
- (b) Apakah yang sedang berlaku di atas tapak tersebut?
- (c) Apakah status terkini tentang cadangan untuk membina bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru di atas tapak tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Pihak PLB Engineering Berhad (PLBE) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Sehingga kini, kelulusan yang telah diperolehi adalah Pelan Induk, Laporan Kajian *Coastal Hydraulic*, Laporan *Traffic Master Plan*, Laporan *Fish Impact Assessment*, Laporan Geoteknikal dan *Sosial Impact Assessment*. Manakala Pelan Kebenaran Merancang dan Laporan *Environmental Impact Assessment* telah dikemukakan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk kelulusan. Bagi Pelan Kerja Tanah pula, ia akan dikemukakan setelah kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Laporan *Environmental Impact Assessment* diperolehi. Kesemua kelulusan ini dijangka diperolehi pada suku ketiga tahun 2024.

- (b) Sehingga kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih mengendalikan operasi pelupusan sisa tanah korekan serta sisa binaan dan perobohan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.
- (c) Cadangan membina bangunan DUN yang baharu tidak diteruskan kerana tapak yang dicadangkan adalah tidak sesuai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

14. Adakah Kerajaan Pulau Pinang mengamalkan polisi "hanya anak kelahiran Pulau Pinang" semasa pengambilan penjawat awam termasuk kontrak dan tetap di peringkat (Pihak Berkuasa Tempatan) PBT?
- (a) Senaraikan bilangan staf Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merupakan anak kelahiran dan bukan kelahiran Pulau Pinang.
  - (b) Berapakah staf bukan kelahiran Pulau Pinang bermastautin selama 10 tahun dan ke atas?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mengamalkan polisi "hanya anak kelahiran Pulau Pinang" bagi pengambilan penjawat awam secara lantikan tetap ataupun kontrak di peringkat PBT. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada penduduk Negeri Pulau Pinang untuk mengisi kekosongan jawatan yang telah diiklankan.
- (a) Jumlah keseluruhan staf MBSP adalah seramai 3,994 orang. Daripada jumlah tersebut, Seramai 2,601 orang staf merupakan anak kelahiran Pulau Pinang manakala bakinya iaitu seramai 1,393 orang staf bukan merupakan anak kelahiran Pulau Pinang.

- (b) Perincian maklumat staf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukan anak kelahiran Pulau Pinang yang telah bermastautin selama 10 tahun dan ke atas di PBT adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>Jumlah kakitangan</b>
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	147
Majlis Bandaraya Seberang Perai	402
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>549</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

15. Lembah Silicon Asia.

- (a) Senaraikan syarikat MNCs dan SMEs yang terletak dalam kawasan tersebut.
- (b) Nyatakan keadaan kekurangan bakat dan tenaga pekerja mahir bagi setiap sektor dalam industri tersebut.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan bakat-bakat dan tenaga pekerja mahir kepada syarikat dan industri tersebut?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Pulau Pinang terkenal sebagai Lembah Silikon Timur yang mana sektor pembuatan dan perkhidmatan telah memacu pertumbuhan ekonomi negeri di samping mewujudkan pekerjaan dan membawa kemakmuran kepada penduduk Pulau Pinang. Sejak Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dibuka pada awal tahun 1970an, Pulau Pinang telah menarik syarikat multinasional (MNC) seperti Intel, Keysight Technologies, Agilent Technologies, Robert Bosch, AMD, OSRAM, Opto Semiconductors, Renesas, Clarion, dan National Semiconductor.

Semikonduktor adalah industri pembuatan terbesar di Pulau Pinang, khususnya aktiviti pemasangan semikonduktor penyumberan luar dan ujian (OSAT). Industri pembuatan utama lain termasuk teknologi perubatan, avionik dan

pengeluaran komponen serta peralatan berkaitan teknologi yang lain. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia dan UN Comtrade, Pulau Pinang menguasai kira-kira 5.0 peratus eksport semikonduktor dunia pada tahun 2019.

Umum mengetahui bahawa kini sebanyak 400 syarikat multinasional (MNC) dan lebih 6,000 perusahaan kecil dan sederhana (SME) telah berpangkalan dan sedang bergiat aktif di negeri Pulau Pinang. Dengan adanya beberapa pelan perancangan, akses terhadap peluang pekerjaan melibatkan industri-industri di Pulau Pinang, ia dapat ditawarkan dan dihebahkan kepada semua pencari kerja di Malaysia khususnya anak jati Pulau Pinang.

- (b) Kadar pengangguran Pulau Pinang mencatat 1.8% pada suku pertama tahun 2024, di samping pertumbuhan penengah gaji sektor formal tahun ke tahun sebanyak 6.7%. Mengikut *Survey Tenaga Buruh*, sektor pembuatan Pulau Pinang mengupah sebanyak 303,900 pekerja pada tahun 2022, iaitu kenaikan sebanyak 1.6% daripada tahun yang sebelumnya (2021: 299,200). Kenaikan ini sejajar dengan pertumbuhan sebanyak 2.0% untuk penduduk bekerja di Pulau Pinang secara keseluruhan dalam tempoh yang sama.

Terdapat tanda-tanda bahawa permintaan bakat dalam industri pembuatan melembut buat masa ini. Mengikut *Job Market Insights* terbitan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), sektor pembuatan mencatat kekosongan jawatan yang tertinggi di Pulau Pinang sebanyak 1,745 daripada jumlah kekosongan jawatan di Pulau Pinang (7,009) pada suku ketiga tahun 2023. Namun begitu, kekosongan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang mengalami pengurangan tahun ke tahun sebanyak 37% dan ia dibuktikan melalui perjawatan juruteknik dan jurutera tidak lagi tercatat dalam lima jawatan dengan nombor kekosongan yang tertinggi pada suku ketiga tahun 2023.

Dalam jangka masa sederhana, permintaan bakat sektor pembuatan untuk bakat kejuruteraan serta teknologi maklumat dijangka berlipat kali ganda. Tinjauan pemain industri yang diringkaskan dalam *Penang Talent Prospects Survey 2023* menunjukkan bahawa permintaan untuk bakat-bakat ini dijangka berganda menjelang tahun 2026 berbanding dengan

tahun 2023. Walaupun kejuruteraan dan juruteknik kekal sebagai segmen terbesar permintaan bakat untuk sektor pembuatan, permintaan untuk bakat teknologi maklumat adalah tiga (3) kali ganda permintaan pada tahun 2023.

- (c) *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development* (Penang SEED) merupakan pelan tindakan ekonomi yang mengandungi langkah-langkah jangka masa pendek (2 tahun) dan jangka masa sederhana (5 tahun). Pelan ini juga menekankan kepentingan bakat, infrastruktur dan pengangkutan sebagai penggerak ekosistem ekonomi yang dinamik di Pulau Pinang. Hal ini dapat membawa negeri ini ke arah sebuah ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan. Pelan ini juga sejajar dengan Tema B Visi Penang2030 bagi memacu sektor-sektor strategik yang dikenal pasti iaitu sektor pembuatan, pelancongan, industri kreatif, perkhidmatan perniagaan dan pertanian.

Pelan Penang SEED telah mengenal pasti tinjauan permintaan kemahiran secara kerap dalam sektor pembuatan yang strategik sebagai langkah penting untuk memantau keperluan kemahiran semasa di samping memupuk kerjasama dengan kerajaan pusat dalam meningkatkan kekerapan dan penelitian pemantauan keadaan pasaran tenaga buruh tempatan. Tinjauan pertama telah diterbitkan di dalam *Penang Talent Prospects 2023* sebagai usaha bersama Penang Institute, PSDC dan Penang STEM. Melalui langkah-langkah ini, keperluan dan jurang kemahiran dapat dikenal pasti pada peringkat negeri secara teliti dan tepat.

Pelan Penang SEED turut mengesyorkan agar penelitian dapat dibuat terhadap program-program latihan bakat yang berkesan dan menyasarkan laluan kemahiran yang mendapat permintaan tinggi. Umpamanya, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai inisiatif di peringkat sekolah melalui gabungan Penang STEM untuk menyokong laluan-laluan kemahiran tinggi yang diperlukan oleh sektor pembuatan tempatan. Usaha ini menggabungkan tenaga industri dan pelbagai agensi negeri supaya pelbagai inisiatif untuk mencungkil bakat-bakat sains akan terus dipergiat dan diperkasa.

Kekurangan bakat dalam sektor semikonduktor adalah *trend* global yang dihadapi oleh ekonomi besar lain yang menggandakan pelaburan dalam industri semikonduktor, termasuklah negeri Pulau Pinang. Oleh itu, usaha perlu dipergiat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan dalam pengumpulan bakat mahir. Penang SEED mencadangkan supaya program-program untuk menarik dan mengekalkan bakat dipergiat dan diperluaskan. Sebagai contoh, penyediaan rumah mampu milik oleh Kerajaan Negeri khusus untuk pekerja mahir yang mana persekitaran gaya hidup yang menarik (*work-play-live*) perlu diterapkan dalam perancangan bandar ke arah mewujudkan suasana yang seimbang, dinamik, dan menyeronokkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

16. Penyebaran maklumat palsu.
- (a) Senaraikan bilangan kes aduan yang telah diterima oleh MCMC sejak tahun 2022 mengikut bulan dan jenis kesalahan.
  - (b) Nyatakan berapa kes aduan yang mampu diselesaikan serta diambil tindakan mahkamah.
  - (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membendung penyebaran maklumat palsu serta berita palsu?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Dari 1 Januari 2022 sehingga 30 April 2024, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima sebanyak 664 aduan yang berkaitan dengan penyebaran kandungan palsu di Pulau Pinang. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Berdasarkan maklumat MCMC, didapati sebanyak 23 kes masih dalam siasatan dan 641 kes aduan kandungan palsu yang berjaya diselesaikan dari tahun 2022 sehingga April 2024. Tiada aduan kandungan palsu yang diambil tindakan mahkamah di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2022 sehingga 30 April 2024. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (c) Kementerian Komunikasi sentiasa berusaha untuk memerangi penyebaran maklumat palsu dan maklumat yang salah serta berbahaya di dalam talian. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan ialah seperti berikut:
- (i) Perundangan sedia ada iaitu Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] diguna pakai untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat palsu;
  - (ii) Kerjasama MCMC dengan platform media sosial dan agensi penguat kuasa lain dalam menangani penyebaran maklumat palsu. Hasilnya, bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 1 Mei 2024, sebanyak 6,127 kandungan yang tidak ditentukan telah diturunkan oleh penyedia platform;
  - (iii) MCMC juga bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan menubuhkan satu Pasukan Petugas Siasatan bagi memastikan siasatan kes yang membabitkan penyebaran maklumat palsu dilaksanakan dengan segera;
  - (iv) Melaksanakan usaha advokasi dan kesedaran untuk mendidik masyarakat supaya menilai kesahihan suatu berita dengan menyemak fakta dengan sumber yang rasmi sebelum perkongsian dilakukan menerusi video mahupun gambar di platform media sosial;
  - (v) Membangunkan laman sesawang/ portal untuk menyemak fakta iaitu Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh MCMC dan Portal *MyCheck* Malaysia yang dibangunkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA); penerbitan program di televisyen dan radio oleh Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) iaitu program bual bicara “Pastikan Sahih” dan Segmen Biar Betull;
  - (vi) Penubuhan *Task Force* Menangani Berita Palsu oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) pada 1 Disember 2022 yang dianggotai oleh pelbagai jabatan

dan agensi antaranya PDRM, AGC dan MCMC memainkan peranan penting bagi memantau, menyiasat dan menguatkuasakan undang-undang terhadap penyebaran berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara; dan

- (vii) Penghasilan dan hebahan kandungan kreatif iaitu infografik dan videografik oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) yang disebar luas di semua platform media sosial rasmi JaPen. Hebahan ini bertujuan mendidik masyarakat supaya menyemak dan memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum dikongsi khususnya di media sosial. Manakala Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) telah menghasilkan liputan berkaitan berita palsu melalui platform BERNAMA *wires*, BERNAMA TV dan BERNAMA Radio.

**LAMPIRAN A**

Dari 1 Januari 2022 sehingga 30 April 2024, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima aduan yang berkaitan dengan penyebaran kandungan palsu di Pulau Pinang seperti berikut:

1 Januari 2022 – 31 Disember 2022:

<b>Sub - Kategori</b>	<b>Jan</b>	<b>Feb</b>	<b>Mac</b>	<b>Apr</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jul</b>	<b>Ogos</b>	<b>Sep</b>	<b>Okt</b>	<b>Nov</b>	<b>Dis</b>	<b>Jumlah</b>
Akaun/Laman Palsu, Penyamaran	19	12	20	10	16	15	9	18	21	13	22	24	199
Berita/Kandungan Palsu	4	5	8	9	6	7	3	6	0	8	8	11	75
Gangguan (Palsu)	1	5	4	4	2	3	5	6	12	6	11	11	70
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>	<b>22</b>	<b>32</b>	<b>23</b>	<b>24</b>	<b>25</b>	<b>17</b>	<b>30</b>	<b>33</b>	<b>27</b>	<b>41</b>	<b>46</b>	<b>344</b>

1 Januari 2023 – 31 Disember 2023:

<b>Sub - Kategori</b>	<b>Jan</b>	<b>Feb</b>	<b>Mac</b>	<b>Apr</b>	<b>Mei</b>	<b>Jun</b>	<b>Jul</b>	<b>Ogos</b>	<b>Sep</b>	<b>Okt</b>	<b>Nov</b>	<b>Dis</b>	<b>Jumlah</b>
Akaun/Laman Palsu, Penyamaran	19	22	22	22	36	19	2	2	1	1	1	0	147
Berita/Kandungan Palsu	10	15	12	16	18	16	0	5		3	6	0	101
Gangguan (Palsu)	8	3	4	8	10	9	0	0	1	0	0	1	44
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>40</b>	<b>38</b>	<b>46</b>	<b>64</b>	<b>44</b>	<b>2</b>	<b>7</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>7</b>	<b>1</b>	<b>292</b>

1 Januari 2024 – 30 April 2024:

<b>Sub - Kategori</b>	<b>Jan</b>	<b>Feb</b>	<b>Mac</b>	<b>Apr</b>	<b>Jumlah</b>
Akaun/Laman Palsu, Penyamaran	1	0	1	0	2
Berita/Kandungan Palsu	4	3	6	5	18
Gangguan (Palsu)	0	0	1	0	1
Lain-lain	1	4	1	1	7
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>28</b>

Status aduan kandungan palsu bagi Negeri Pulau Pinang:

<b>Status</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>Setakat 30 April 2024</b>	<b>Jumlah</b>
Selesai	341	279	21	641
Siasatan	3	13	7	23
<b>Jumlah</b>	<b>344</b>	<b>292</b>	<b>28</b>	<b>664</b>

Tiada aduan kandungan palsu dari negeri Pulau Pinang sejak tahun 2022 sehingga 30 April 2024 yang diambil tindakan mahkamah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

17. Sungai Perak dikesan bahan kimia cap jari dan benzo(a)pirena.

- (a) Apakah implikasinya terhadap projek Sungai Perak Water Transfer Scheme (SPWTS) yang bakal dilaksanakan?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kualiti dan kebersihan air di sungai-sungai Pulau Pinang?
- (c) Adakah sebarang *roadmap* diwujudkan untuk mencapai matlamat tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Kerajaan Negeri tidak pernah berputus asa dalam memastikan projek pemindahan air terawat Sungai Perak ini dilaksanakan dengan segera. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah awal dengan mengadakan pertemuan bersama Kerajaan Negeri Perak pada 9 November 2023 dan terkini melalui taklimat pembangunan pada 5 April 2024 kepada YAB Perdana Menteri. Dalam taklimat tersebut, YAB Ketua Menteri telah mohon supaya Kerajaan Persekutuan menjadi pihak pemudahcara dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dengan segera.

Mengambil kira permintaan air yang semakin meningkat di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penutup Program

Madani Rakyat 2024 Zon Utara dan Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Pulau Pinang di Tapak Pesta Pulau Pinang pada 5 Mei 2024 yang menyatakan Tuanku Sultan Perak serta Kerajaan Negeri Perak bersetuju untuk membekalkan bekalan air dari Sungai Perak melalui projek pembangunan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) di mana fasa pertama akan masuk ke Seberang Perai termasuk Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

- (b) Dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan kebersihan air di sungai-sungai Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan dan Alam Sekitar. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan bagi memantau dan menyelaras isu-isu pencemaran sungai untuk diambil tindakan oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri. Pelan tindakan (dasar atau polisi, pemantauan, tindakan penguatkuasaan) akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi secara bersepadu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang (Jawatankuasa Ops Lumpur) yang dipengerusikan oleh YB Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital yang berperanan sebagai pembuat dasar dalam menentukan hala tuju serta polisi bagi pelaksanaan penguatkuasaan kawalan hakisan dan kelodak di seluruh negeri Pulau Pinang. Manakala Pasukan Petugas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP), Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan berperanan melakukan operasi pemeriksaan mengejut ke tapak pembangunan bagi memastikan pemaju projek pembangunan mematuhi syarat-syarat kelulusan kerja-kerja tanah yang telah dikeluarkan. Usaha ini adalah untuk memastikan supaya setiap pemaju mematuhi keperluan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (*Erosion and Sediment Control Plan* (ESCP)) yang telah diluluskan bagi mengelakkan pencemaran air lumpur ke sistem saliran dan sungai-sungai.

Antara usaha lain untuk membantu Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kualiti air di sungai-sungai Pulau Pinang, JASPP telah melaksanakan program-program berikut:-

- (i) Menjalankan penguatkuasaan ke atas punca pencemar yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
  - (ii) Menjalankan pengawasan kualiti air sungai secara berkala.
  - (iii) Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan secara berkala.
  - (iv) Menjalankan penguatkuasaan berkaitan *Environmental Impact Assessment* (EIA).
  - (v) Pengawasan melalui pelesenan dan kebenaran bertulis, notifikasi seperti pembinaan loji rawatan air mengikut amalan kejuruteraan yang baik.
- (c) Pada masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh beberapa agensi yang berkaitan termasuk membincangkan pelan dan hala tuju peningkatan kualiti air sungai-sungai di lima (5) daerah di negeri Pulau Pinang. Dari segi penguatkuasaan oleh JASPP telah menyediakan pelan strategik antaranya bagi tujuan memantapkan penguatkuasaan melalui strategi-strategi yang dirancang termasuk penguatkuasaan punca pencemaran.

Kerajaan Negeri telah bersetuju agar semua jabatan/ agensi negeri untuk mengguna pakai Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) di mana sistem saliran hijau telah dimasukkan ke dalam objektif Pelan Pengurusan IRBM ini. Setiap jabatan dan agensi yang berkaitan perlu menjalankan peranan masing-masing dalam merancang dan melaksanakan projek dengan merujuk kepada Pelan Pengurusan IRBM ini. Setakat ini terdapat tiga (3) Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) yang telah siap, iaitu IRBM Sungai Juru, IRBM Sungai Muda dan IRBM Sungai Perai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

18. Penguatkuasaan ke atas pencemaran air.
- (a) Senaraikan kes-kes pencemar sumber air yang telah didakwa mengikut tahun, kesalahan di bawah akta apa serta hukuman yang dikenakan.
  - (b) Apakah cabaran dan kekangan dalam menjalankan penguatkuasaan ke atas pencemaran air khasnya sungai-sungai dalam negeri?
  - (c) Apakah usaha untuk mengatasi masalah tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Jabatan Alam Sekitar (JAS) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bagi kes pencemaran air, tindakan boleh dikenakan dibawah peruntukan berikut:
- (i) Sek. 25 (1) AKAS 1974 - Sekatan Mengenai Pencemaran Perairan Daratan.
  - (ii) Sek. 27 (1) AKAS 1974 - Melepaskan Minyak Ke Dalam Perairan Malaysia Dilarang.PPKAS (KUMBAHAN) 2009 - Peraturan2 Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.
  - (iii) PPKAS (EP) 2009 - Peraturan2 Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

- (iv) PPKAS (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal & Kambus Tanah) 2009.
- (a) Dari tahun 2022 sehingga 2024, terdapat enam (6) pertuduhan yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah di bawah PPKAS (EP) 2009 - Peraturan2 Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, dengan jumlah denda sebanyak RM115,000.
- (b) Antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dalam penguatkuasaan undang-undang adalah premis-premis yang kurang memberi kerjasama ketika lawatan/pemeriksaan penguatkuasaan dijalankan.

Selain itu, terdapat pencemaran berskala kecil atau yang tidak tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang tidak dapat dikenakan apa-apa tindakan dibawah JAS. Kekurangan anggota penguatkuasaan bagi melaksanakan pemantauan 24 jam juga memberikan cabaran untuk mengatasi masalah tersebut.

Jabatan Alam Sekitar akan memastikan setiap industri yang beroperasi dan tertakluk perlu mematuhi kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Mana-mana pihak industri yang didapati melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, boleh diambil tindakan penguatkuasaan yang tegas seperti kompaun dan tindakan mahkamah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

19. Bahagian Kawal Selia Air (BKSA).

- (a) Terangkan secara terperinci tentang kuasa, peranan dan tanggungjawab BKSA dalam konteks pengurusan sumber air mentah di Pulau Pinang.
- (b) Nyatakan struktur organisasi BKSA serta keberkesanan bahagian ini dalam melaksanakan tanggungjawab.
- (c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan penubuhan Lembaga *Penang Water Authority* (PENAWAR)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) telah ditubuhkan pada tahun 1999 berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil 6/1999 sebagai sebuah bahagian di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang setelah Jabatan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang dikorporatkan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Fungsi utama BKSA pada masa tersebut adalah untuk menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air yang dijalankan oleh PBAPP pada ketika itu. Selain itu, BKSA juga turut dipertanggungjawabkan untuk memelihara sumber air mentah bagi memastikan kualiti air yang dibekalkan adalah dalam keadaan yang baik. Pada tahun 2005, Kerajaan Persekutuan telah meminda Perlembagaan Persekutuan dimana perkara

berkaitan bekalan dan perkhidmatan air dipindahkan dari senarai negeri ke senarai bersama. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bekalan air dengan cekap, bermutu dan pada harga yang berpatutan kepada rakyat. Pada 1 Januari 2008, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 telah dikuatkuasakan bagi menjamin industri ini berdaya maju dan efisien di mana semua entiti bekalan air negeri-negeri adalah dikawalselia dan dilesenkan oleh SPAN.

BKSA telah melaksanakan tanggungjawab dan peranan dalam mengawalselia sumber air dan kawasan tadahan air berdasarkan peruntukan di bawah Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahan) (Pindaan) 2009 di bawah Enakmen Pembekalan Air 1998 yang belum pernah dibuat pindaan dan penambahbaikan berdasarkan skop dan fungsi semasa BKSA sepertimana yang telah dilaksanakan oleh Negeri-Negeri lain. Sehingga kini, BKSA juga telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab utama seperti berikut:

- (i) Melaksanakan pemantauan secara bersepadu di kawasan melibatkan sumber air dan kawasan tadahan air berdasarkan Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahan) 2004 Pindaan 2009;
  - (ii) Merancang dan menyediakan input teknikal bagi permohonan projek pembangunan sumber air mentah melalui peruntukan Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan serta menyelaras sebagai wakil Kerajaan Negeri dalam pemantauan projek yang telah diluluskan di bawah Kerajaan negeri ataupun Persekutuan;
  - (iii) Menyemak, menilai dan memberikan ulasan teknikal bagi tujuan permohonan cadangan pembangunan selaras dengan peruntukan di bawah Enakmen Pembekalan Air 1998; dan
  - (iv) Menyelaraskan perancangan sumber air mentah melibatkan perkongsian lembangan sungai di antara Negeri mengikut dasar serta keputusan yang telah dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Sehingga kini waran perjawatan tetap BKSA adalah seramai lapan (8) orang sahaja dan BKSA berpandangan adalah perlu

untuk memperkasakan BKSA sebagai satu badan pengurusan sumber air yang mempunyai peranan, fungsi dan kuasa seperti mana negeri-negeri lain seperti Selangor yang menjadi negeri pertama menubuhkan Lembaga Urus Air Selangor sejak tahun 1999 yang menjadi satu badan terpenting dalam negeri yang mempunyai kuasa dan peranan besar dalam Pengurusan Sumber Air Negeri di bawah Enakmen Lembaga Sumber Air Selangor dan seterusnya negeri-negeri lain seperti Kedah, Melaka, Johor, Terengganu dan terkini Perak yang mempunyai enakmen sumber air untuk mentadbir urus sumber dan badan air secara holistik.

- (c) Kerajaan Negeri melalui inisiatif BKSA dalam proses merangka dasar baru untuk mewujudkan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang yang memperuntukan punca kuasa, peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan sumber dan badan air Negeri sepertimana cadangan penubuhan Lembaga Penang Water Authority (PENAWAR) yang telah diusulkan oleh *National Water Reserch Institute in Malaysia* (NAHRIM) kepada Kerajaan Negeri sebelum ini. Enakmen ini juga telah lama dipraktikan di negeri-negeri lain dalam menguruskan sumber dan badan air negeri selaras dengan peranan dan tanggungjawab semasa dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan semasa demi kelestarian sumber air yang menjadi bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

20. MyJalan KKR.

- (a) Senaraikan bilangan kes-kes aduan di Pulau Pinang yang dibuat melalui aplikasi ini mengikut daerah, kes diselesaikan dan dalam tindakan sejak ia diperkenalkan.
- (b) Terangkan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima untuk tahun 2024 serta bagaimanakah ia disalurkan kepada agensi pelaksana bagi menyelenggara jalan-jalan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Terdapat tujuh puluh sembilan (79) aduan berkaitan kerosakan jalan raya di Pulau Pinang sejak aplikasi MyJalan KKR diperkenalkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Kesemua aduan tersebut telah diselesaikan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP). Dua belas (12) daripada aduan tersebut adalah di luar bidang kuasa JKRPP. Pecahan bilangan aduan mengikut daerah adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1:** Bilangan Aduan MyJalan KKR Mengikut Daerah di Pulau Pinang

DAERAH	BILANGAN ADUAN	
	SELESAI	TIDAK SELESAI
Daerah Timur Laut	3	0
Daerah Barat Daya	11	0
Daerah Seberang Perai Utara	20	0

Daerah Seberang Perai Tengah	12	0
Daerah Seberang Perai Selatan	21	0
No Wrong Door Policy	12	0
<b>JUMLAH</b>	<b>79</b>	<b>0</b>

- (b) Secara asasnya, agihan peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri disalurkan berdasarkan kepada cadangan pelaksanaan projek yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri 3.0 atau projek yang mendapat kelulusan khas Jawatankuasa MARRIS Negeri. Selain daripada pelaksanaan projek, sebanyak 10% dari peruntukan tersebut boleh digunakan untuk menampung pembiayaan pengurusan yang berkaitan.

Sehingga 30 April 2024, jumlah peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM71.51 juta. Pengagihan peruntukan tersebut pada tahun 2024 dijadualkan secara lima (5) fasa, bermula dari bulan Februari 2024 hingga bulan November 2024.

Agihan Fasa 1 berjumlah RM48.12 juta telah dilaksanakan pada suku pertama yang lalu, manakala agihan Fasa 2 sedang dilaksanakan pada bulan Mei 2024. Jabatan/Agensi Teknikal berkaitan perlu mengemukakan status perbelanjaan untuk fasa semasa, termasuk tanggungan sedia ada untuk permohonan agihan fasa berikutnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

21. Transit Aliran Ringan (LRT).

- (a) Terangkan secara terperinci tentang jadual pelaksanaan projek tersebut serta kos pembinaan akan ditanggung oleh siapa.
- (b) Nyatakan jajaran dengan lokasi stesen-stesen, depot di sepanjang laluan LRT Bayan Lepas.
- (c) Apakah peranan dan tanggungjawab bagi Kerajaan Negeri serta Penang Infrastructure Corporation dalam pelaksanaan projek mega ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Kos Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari Komtar ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke Komtar tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (b) Terdapat 21 stesen di sepanjang laluan Bayan Lepas dan satu (1) stesen di Penang Sentral untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai ke bahagian Bayan Lepas. Jajaran Laluan Mutiara akan melalui kawasan yang padat seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor dan George Town. Perincian lokasi stesen dalam peringkat pemuktamadan. Komtar dirancang untuk menjadi stesen pertukaran utama di masa hadapan untuk sambungan untuk laluan ke Tanjong Bungah dan Air Itam. Laluan Mutiara akan merentasi laut dari stesen Komtar ke stesen Penang Sentral.
- (c) Peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang bersama Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd dalam projek ini adalah untuk memudah cara pelaksanaan projek LRT Pulau Pinang. Ini dilakukan melalui keterlibatan Kerajaan Negeri dalam Jawatankuasa Pemudahcara Projek yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan serta Jawatankuasa Pemandu Projek LRT Laluan Mutiara di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

22. Dermaga Swettenham.

- (a) Senaraikan bilangan kapal dan bilangan penumpang yang tiba ke Pulau Pinang mengikut bulan sejak tahun 2022.
- (b) Nyatakan caj-caj ke atas kapal dan penumpang yang mengguna dermaga tersebut.
- (c) Terangkan usaha untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan yang ada di dermaga tersebut khasnya ia merupakan imej Pulau Pinang.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Bilangan kapal dan bilangan penumpang yang tiba ke Pulau Pinang mengikut bulan sejak tahun 2022 melalui Dermaga Swettenham adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KAPAL</b>	<b>BILANGAN PENUMPANG</b>
2022	712	751,853
2023	857	1,505,018
2024 (Sehingga April)	352	542,999

- (b) Caj-caj ke atas kapal dan penumpang yang menggunakan perkhidmatan Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) adalah seperti berikut:

<b>Item</b>	<b>Caj-caj Penggunaan yang menggunakan SPCT</b>	<b>Perincian caj-caj yang menggunakan Perkhidmatan SPCT</b>
a.	<i>Harbour Dues</i>	Perincian caj-caj yang dikenakan adalah seperti dalam peruntukan
b.	<i>Berth Occupancy Charges</i>	
c.	<i>Marine Consolidated Charges</i>	
d.	<i>Passengers Charge</i>	Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021)
e.	<i>Vessel Miscellaneous Services</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Use of Gangway, Crane, Forklift</i></li> <li>2. <i>Jetty Cleaning</i></li> <li>3. <i>Luggage</i></li> <li>4. <i>Overtime charges</i></li> <li>5. <i>Security charges</i></li> </ol>

- (c) Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah selesai menyiapkan pembangunan Fasa 1A.

Dengan projek pembesaran Swettenham Pier Cruise Terminal, kapasitinya telah meningkat dengan banyaknya, dan ia kini boleh berlabuh dua kapal persiaran kelas kuantum pada masa yang sama serta menyediakan perkhidmatan untuk sehingga 12,000 penumpang.

Antara kerja-kerja menaik taraf kemudahan di SPCT semasa Fasa 1A,1B dan Fasa 2&3 adalah seperti berikut:

<b>Fasa</b>	<b>Perincian</b>
Fasa 1A (Selesai)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembesaran dermaga</li> <li>2. Naik taraf kemudahan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>4 new additional escalators</i></li> </ul> </li> </ol>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Extra gangway</i></li> <li>• <i>High-Speed FREE Wi-Fi</i></li> <li>• <i>Extra Manpower</i></li> <li>• <i>Installation of CCTV</i></li> <li>• <i>Deployment of the ambulance with paramedic</i></li> <li>• <i>Deployment of drones for security surveillance</i></li> <li>• <i>Installation of handrail</i></li> <li>• <i>Deployment of Scanner Machine</i></li> </ul>
Fasa 1B	Menaik taraf <i>Concourse &amp; Gangways</i>
Fasa 2&3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Pembesaran Terminal</i></li> <li>2. <i>Naik taraf kemudahan tambahan:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Toilet Upgrading / Renovation</i></li> <li>• <i>Upgrading Fender</i></li> <li>• <i>Purchase of electric buggy car</i></li> <li>• <i>Portable Retractable Tunnel - covered walkway for cruise passengers on the wharves</i></li> <li>• <i>Upgrading SPCT facade main entrance/exit gate</i></li> <li>• <i>Shore Power Supply</i></li> </ul> </li> </ol>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

23. Projek terowong dasar laut.

- (a) Terangkan secara terperinci sama ada projek akan diteruskan, meminda jajaran atau reka bentuk memandangkan ia membabitkan pembesaran Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT).
- (b) Nyatakan implikasi kewangan atau bentuk pembayaran yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak projek tersebut bermula sehingga kini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Keputusan sama ada projek terowong diteruskan ataupun tidak ianya akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang dijangka bersidang pada Julai 2024 seterusnya akan di angkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk dimuktamadkan.

Penetapan jajaran dan reka bentuk adalah tertakluk kepada beberapa cadangan jajaran yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Pilihan dan penetapan jajaran akan diputuskan setelah menilai dan mengambil kira kepentingan pandangan semua pihak.

- (b) Kerajaan Negeri telah membayar sejumlah RM1.76 juta kepada perunding bagi tujuan kos semakan Laporan Kajian Kebolehlaksanaan (*FS Report*) pada April 2023. Bayaran yang telah diperakukan bagi kos penyediaan *FS Report* ialah berjumlah RM20 juta, namun pihak kontraktor masih belum mengemukakan tuntutan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

24. Projek Pakej 2: Jalan Pintasan dari Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam.
- (a) Terangkan punca dan sebab kejadian batu dan tanah terlontar sehingga merosakkan kondominium berdekatan.
  - (b) Apakah usaha pencegahan dan pembaikan dibuat untuk mengelakkan kejadian berulang?
  - (c) Nyatakan kerugian yang perlu ditanggung oleh penduduk dalam kejadian tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Kejadian yang berlaku adalah berpunca daripada kerja-kerja letupan batu di mana sebahagian kecil percikan tanah merah/laterait (*soil lump*) telah menyebabkan kerosakan pada sebahagian kecil fasiliti dan kereta di kawasan kondominium. Bahan tanah merah adalah merupakan lapisan keselamatan yang diletakkan untuk mengelakkan ledakan batu dalam proses kerja *rock-blasting*.
- (b) Arahan telah pun dikeluarkan kepada pihak kontraktor CZC untuk mengambil tindakan seperti berikut:-
- (i) Mengurangkan kedalaman *drilling* dan kuantiti bahan-bahan letupan daripada kadar biasa;

- (ii) Memperluaskan perimeter litupan prosedur keselamatan yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Mineral dan Galian (JMG);
  - (iii) Membuat analisa lebih terperinci mengenai kemungkinan kewujudan *air pocket* sebelum kerja letupan dilaksanakan;
  - (iv) Melaksanakan *real time monitoring* sebelum dan selepas kerja-kerja letupan;
  - (v) Menggunakan *specialized blasting mat* untuk mengurangkan sebarang risiko di kawasan sekeliling; dan
  - (vi) Pihak kontraktor tidak dibenarkan melaksanakan kerja *rock-blasting* sehingga semua perkara di atas dipenuhi.
- (c) Pihak kontraktor telah menanggung semua kerugian akibat daripada kejadian tersebut. Kerugian keseluruhan termasuk kos baik pulih dan pampasan kepada penduduk adalah sekitar RM20,000.00. Harta benda yang terlibat adalah seperti berikut:-
- (i) Tujuh (7) buah kereta telah mengalami kerosakan kecil (6 buah kereta telah pun siap dibaiki kecuali sebuah Toyota Vios masih belum kerana pemilik berada di luar negara);
  - (ii) Zink bumbung ruang rehat telah berlubang seluas 150mm (diameter) telah siap dibaiki pada hari kejadian; dan
  - (iii) Kolam renang terkena percikan tanah merah dengan satu kepingan *plate plastic* salur penapis telah tercabut telah dibaiki oleh pihak kondominium yang dibiayai oleh pihak kontraktor.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

25. *Low-cost air quality sensor - real time monitoring.*

- (a) Sejauh manakah teknologi ini diguna pakai untuk memantau tahap kualiti udara di dalam Pulau Pinang?
- (b) Senaraikan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas kilang-kilang mengikut bulan sejak tahun 2022.
- (c) Apakah isu yang dihadapi semasa menjalankan penguatkuasaan serta apa usaha untuk mengatasinya?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Untuk makluman, Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak menggunakan *low-cost quality sensor* untuk memantau kualiti udara di Negeri Pulau Pinang. JAS menjalankan pengawasan kualiti udara secara berterusan (*continuous air quality monitoring system*) *real time monitoring*. Sistem ini menggunakan sensor berkualiti tinggi yang digunakan untuk memantau parameter-parameter gas pencemar udara termasuklah parameter zarah partikel PM2.5, PM10, *sulphur dioxide* (SO<sub>2</sub>), *nitrogen dioxide* (NO<sub>2</sub>), *ozone* (O<sub>3</sub>), dan *carbon monoxide* (CO). Di Negeri Pulau Pinang terdapat empat (4) stesen pemantauan kualiti udara yang terletak di:

- (i) Sek. Keb. Seberang Jaya II (Seberang Jaya);
- (ii) Kolej Vokasional Seberang Perai (Seberang Perai);
- (iii) Universiti Sains Malaysia (Minden); dan

- (iv) Kolej Vokasional Balik Pulau (Balik Pulau).
- (b) JAS Pulau Pinang (JAS) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dengan menjalankan siasatan ke atas kilang-kilang berdasarkan perancangan tahunan, operasi gempur dan bersepadu serta aduan daripada orang awam. Antara tindakan-tindakan yang diambil terhadap punca pencemar industri (berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974) adalah :
  - (i) Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37;
  - (ii) Kompaun mengikut kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan yang berkaitan; dan
  - (iii) Tindakan Mahkamah.

Pada tahun 2022 hingga 2023 sebanyak 3,584 tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan antaranya 2,555 arahan dilapangan, 468 notis arahan, 551 kompaun, 1 penahanan operasi kelengkapan dan 9 tindakan mahkamah.

- (c) Antara cabaran JAS Pulau Pinang dalam penguatkuasaan undang-undang adalah premis-premis yang kurang memberi kerjasama ketika lawatan penguatkuasaan dijalankan. Premis-premis haram juga menyukarkan JAS untuk mengambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kesan daripada status premis tersebut. Selain itu, kekangan anggota dan logistik terhad juga memberi kesan kepada JAS untuk penguatkuasaan yang lebih menyeluruh

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

26. *Big Data Analytics* (BDA).

- (a) Terangkan secara terperinci kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam sektor awam BDA.
- (b) Sejauh manakah BDA diguna pakai dalam usaha membuat keputusan serta dasar Kerajaan Negeri?
- (c) Nyatakan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mengguna BDA serta bagaimana untuk mengurangkan jurang yang wujud.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Sebagai kesiapsiagaan dalam Analitis Data Raya (*Big Data Analytics* (BDA), Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah melaksanakan beberapa tindakan utama seperti yang berikut:

**Mewujudkan Pasukan Data Raya**

Pada masa ini PSUKPP telah mula mewujudkan satu pasukan data raya dengan pengambilan sebanyak 2 perjawatan secara kontrak bagi memulakan usaha mewujudkan keupayaan pasukan dalam bidang analitis data.

## **Penyediaan Infra Data Raya**

Pengumpulan dan pengurusan *big data* memerlukan infrastruktur berbeza daripada cara penyimpanan data sedia ada. Oleh demikian, satu infrastruktur *big data* khusus telah diwujudkan untuk menyokong keperluan pelaksanaan inisiatif *Big Data* Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa teknologi *analytical tools* yang telah digunakan adalah berasaskan keperluan pengurusan data dan penghasilan analisis mengikut keperluan pengguna aplikasi *big data*. Berdasarkan landskap arkitektur infrastruktur BDA, teknologi yang disediakan PSUKPP merangkumi platform kluster Hadoop bagi penyimpanan data, kluster penganalisan, integrasi sumber data dan visualisasi.

## **Perkongsian Data**

Perkongsian data antara agensi adalah penting untuk memastikan keberkesanan aplikasi *big data* yang dibangunkan. Tunjang penganalisan yang tepat bergantung pada sumber data yang mencukupi dan tepat. Analisis dan model ramalan hanya akan berfungsi pada tahap optimum dengan adanya perkongsian data yang mantap. Melalui perkongsian data antara agensi akan dapat membantu perancangan, penggubalan dasar dan keputusan secara berkesan dalam analisis data.

Pada tahun 2020, PSUKPP telah memainkan peranan sebagai penyelar peringkat negeri dan jabatan /agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah terlibat sama dalam memberi input pada sesi pembangunan Dasar Perkongsian Data Sektor Awam yang dilaksanakan oleh MAMPU. Dasar ini menggariskan panduan kepada Agensi Sektor Awam bagi melaksanakan perkongsian data merentas agensi ke arah penyampaian perkhidmatan Kerajaan bersepadu dan berpacuan data.

Pada masa ini PSUKPP bekerjasama dengan Jabatan Digital Negara dalam usaha perkongsian data secara selamat antara agensi Kerajaan melalui platform *Malaysian Government Central Data Exchange* (MyGDX). Platform ini membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi merentasi agensi dengan lebih efisien. Perkhidmatan platform ini akan direalisasikan

sepenuhnya oleh PSUKPP pada tahun 2025. Projek perintis akan dimulakan antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berkaitan maklumat nikah, rujuk dan perceraian.

### **Pembangunan Polisi**

PSUKPP telah mewujudkan beberapa dasar dan polisi di peringkat negeri Pulau Pinang iaitu:

- (i) Polisi Data Negeri Pulau Pinang (pindaan 2022); dan
- (ii) Perkongsian Data Geospasial Negeri Pulau Pinang.

### **Penyelarasan Data**

PSUKPP telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri Pulau Pinang pada 2017. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada semua jabatan/ agensi negeri. Peranan Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri adalah seperti yang berikut:

- (i) Merangka strategi dan pelan pelaksanaan data terbuka dan perkongsian data di peringkat negeri;
- (ii) Mewujudkan pasukan kerja data berdasarkan keperluan;
- (iii) Memantau tahap penggunaan dan perkongsian data;
- (iv) Memastikan keperluan polisi dan sasaran yang dikenal pasti dipatuhi dan tercapai;
- (v) Memastikan penyediaan data bagi semua jabatan /agensi negeri bagi tujuan perkongsian di peringkat negeri; dan
- (vi) Memastikan kelancaran operasi data geospasial peringkat negeri.

Pada tahun 2023, Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri Pulau Pinang juga berperanan sebagai Majlis Statistik dan

Data Daerah (MSDD) yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia.

### **Majlis Statistik Data Negeri (MSDNg)**

MSDNg ini ditubuhkan pada tahun 2023 dan dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri bagi tujuan penyediaan data yang komprehensif di peringkat terkecil, penggunaan dan penyelarasan data yang lebih strategik daripada pelbagai sumber di peringkat negeri, ketersediaan data bagi pengurusan krisis/bencana, mengoptimumkan sumber dan meningkatkan *data culture* dalam proses membuat keputusan berasaskan bukti.

- (b) Analitis Data Raya (*Big Data Analytics*) (BDA) adalah satu proses menganalisis pelbagai jenis data, berstruktur dan tidak berstruktur dari pelbagai sumber bagi mengenal pasti corak atau *trend* sehingga menghasilkan dapatan, maklumat dan pengetahuan (*insight*) yang berupaya membantu dalam pembuatan keputusan yang cepat, tepat, pintar dan inklusif.

Pengaplikasian data raya sebagai salah satu *new emerging technologies* adalah signifikan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi organisasi melalui perancangan dan pembuatan keputusan berasaskan data dan fakta. Penggunaan BDA dapat membantu untuk menghasilkan visualisasi dan aplikasi yang bermanfaat kepada pengurusan dalam membuat keputusan dan perancangan termasuk merangka dasar melalui eksploitasi potensi semua data yang ada seterusnya berupaya meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Secara umum, penganalisan berasaskan teknologi BDA ini dapat membantu pengurusan melalui empat kategori utama tahap analisis iaitu:

Analisis deskriptif yang dapat memberi maklumat apa yang telah berlaku;

Analisis diagnostik yang membantu kita untuk memahami sebab sesuatu berlaku di masa lalu;

Analisis ramalan yang dapat meramalkan perkara yang berkemungkinan berlaku pada masa hadapan; dan

Analisis preskriptif yang dapat mengesyorkan tindakan yang boleh diambil berdasarkan hasil penemuan analisis.

Pelaksanaan projek inisiatif BDA telah banyak membantu pentadbiran Kerajaan Negeri membuat keputusan dan dasar negeri, antaranya adalah:

### **Projek BDA Perumahan**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP turut menggunakan BDA Rumah Mampu Milik (RMM) bagi membuat keputusan menetapkan mekanisma kawalan dan penyelarasan kaedah pengiraan levi bagi permohonan pembukaan ke pasaran terbuka unit perumahan mampu milik yang dibina di bawah Garis Panduan Rumah Mampu Milik 100 Peratus (100%). Selain daripada itu, keputusan dan perancangan pelanjutan pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign* - HOC) Negeri Pulau Pinang sedikit sebanyak juga menggunakan analisis data raya dari BDA RMM ini.

### **Pembangunan Data dan Aplikasi Pemantauan Ternakan Babi**

Pada awal tahun 2023, Pulau Pinang telah dikejutkan dengan penularan wabak *African Swine Fever* yang menjangkiti ternakan babi di negeri ini. Maklumat analisis data yang dijana oleh aplikasi berasaskan geospatial yang telah dibangunkan oleh Unit GIS, PSUKPP yang digunakan oleh Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang berupaya untuk mengenal pasti lokasi kandang-kandang yang berada 5km dari kandang yang telah dijangkiti. Hasil analisis ini juga dapat membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membuat keputusan untuk mengambil tindakan seterusnya bagi mengekang wabak tersebut. Hasilnya, Kerajaan Negeri berjaya mengekang penularan wabak ini di mana dari 124 kandang babi hanya 30 kandang babi yang telah disahkan positif jangkitan dihapuskan.

## Keputusan Pemansuhan Caj Perkhidmatan Atas Talian Ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Satu cadangan pemansuhan caj perkhidmatan telah diangkat dan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2021 serta diputuskan berdasarkan hasil penganalisan data trend peningkatan penggunaan transaksi dalam talian yang dilaksanakan yang menunjukkan peningkatan yang agak ketara sejak 2020.

- (c) Antara cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha menggunakan Analitis Data Raya (*Big Data Analytic* (BDA)) adalah seperti yang berikut:

Integrasi data secara holistik tidak dapat dilaksanakan kerana perkongsian data merentas agensi kerajaan secara vertikal dan horizontal sangat tidak memuaskan. Ini menghalang perkembangan inisiatif yang memerlukan sumber data yang pelbagai dan banyak (*data hungry*) seperti *Artificial Intelligent* (AI), data raya dan data analitik;

Kekangan kemahiran dan kepakaran penjawat awam dalam bidang baharu;

Revolusi teknologi dan keperluan *stakeholder/* pengguna yang sentiasa berubah; dan

Sumber kewangan yang terhad.

Bagi mengurangkan jurang yang wujud, beberapa inisiatif berikut boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan seperti :

Mewujudkan dasar yang tidak boleh disanggah oleh akta/ dasar/ peraturan yang lain;

Menyediakan latihan;

Mewujudkan pengkhususan bidang kepakaran;

Pengambilan bakat baharu; dan

Pelaksanaan peringkat awal secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

27. Pelebaran Jalan Alma / Bukit Minyak dari Simpang Desa Palma ke Jalan Rozhan (Pakej 2).
- (a) Terangkan secara terperinci tentang reka bentuk serta kos untuk pelaksanaan projek tersebut.
  - (b) Nyatakan garis masa untuk pelaksanaan projek tersebut.
  - (c) Senaraikan bilangan kes kemalangan jalan raya termasuk kemalangan maut mengikut bulan sejak tahun 2021.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kini sedang dalam proses permohonan peruntukan untuk lantikan perunding bagi melaksanakan kerja-kerja kajian reka bentuk. Anggaran awal bagi kos projek Pakej 2 ini adalah sebanyak RM1.2 juta. Kos sebenar projek hanya dapat dimuktamadkan setelah pelantikan perunding dilaksanakan.
- (b) Perancangan garis masa pelaksanaan projek Pakej 2 ini hanya dapat dimuktamadkan setelah projek Pakej 1 siap dilaksanakan.
- (c) Statistik kes kemalangan jalan raya di seluruh Pulau Pinang mengikut bulan sejak tahun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****STATISTIK KES KEMALANGAN JALAN RAYA DI PULAU PINANG  
MENGIKUT BULAN (2021-2024)**

<b>BULAN</b>	<b>TAHUN</b>			
	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>
Januari	2,552	3,758	4,236	4,484
Februari	2,443	2,871	4,040	4,539
Mac	3,351	3,564	4,580	4,957
April	3,521	4,268	4,375	4,798
Mei	2,737	4,319	4,538	0
Jun	1,613	8,735	4,364	0
Julai	1,948	4,109	4,375	0
Ogos	2,099	4,372	4,632	0
September	2,465	4,231	4,347	0
Oktober	3,091	4,337	4,661	0
November	3,521	4,138	4,482	0
Disember	3,690	4,305	4,760	0
<b>JUMLAH</b>	<b>33,031</b>	<b>53,007</b>	<b>53,390</b>	<b>18,778</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

28. *Artificial Intelligence* (AI).

- (a) Bagaimanakah untuk menjadikan AI berfungsi dan berkhidmat untuk rakyat?
- (b) Bagaimanakah kita dapat memanfaatkan kuasa sebenar kecerdasan buatan (AI) dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat?
- (c) Bagaimanakah kita dapat mencipta semula kerja dan perkhidmatan kerajaan dengan adanya kecerdasan buatan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Untuk menjadikan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) (AI) bermanfaat kepada rakyat, kita perlu memastikan AI digunakan dengan bijak dan bertanggungjawab. Ini termasuk memastikan akses yang mudah, melindungi data, memastikan kebolehpercayaan dan transparensi, serta menggunakan teknologi ini untuk membangun solusi yang bermanfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Langkah-langkah ini penting untuk memastikan kecerdasan buatan memberi nilai tambah yang positif kepada kehidupan rakyat.
- (b) Kita boleh memanfaatkan kuasa sebenar kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) (AI) untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan beberapa cara seperti yang berikut:

- (i) Meningkatkan perkhidmatan kesihatan dengan diagnosis cepat dan rawatan yang lebih baik;
- (ii) Memberikan pendidikan yang lebih disesuaikan dan berkualiti kepada semua;
- (iii) Menyusun sistem pengangkutan yang lebih efisien dan memudahkan mobiliti;
- (iv) Menguruskan sumber daya alam secara lebih bijak dan menjaga alam sekitar;
- (v) Memajukan ekonomi dengan bantuan teknologi AI dalam perniagaan dan pekerjaan;
- (vi) Memperkuatkan keselamatan awam melalui pengawasan dan analisis data;
- (vii) Meningkatkan kecekapan pentadbiran awam dan merancang dasar yang lebih berkesan; dan
- (viii) Menyebarkan kesedaran tentang AI kepada masyarakat dan memberikan pendidikan tentang privasi dan keselamatan data mereka.

Dengan pendekatan yang teliti, beretika, dan berorientasikan kepada kepentingan masyarakat, kita dapat memanfaatkan kuasa sebenar AI untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh.

- (c) Cadangan untuk mencipta semula kerja dan perkhidmatan Kerajaan dengan adanya kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) (AI) adalah seperti yang berikut:
  - (i) Melaksanakan analisis keperluan dan cabaran untuk mengenal pasti masalah dan proses yang boleh diperbaiki;
  - (ii) Menyediakan dana khusus untuk penyelidikan dan pembangunan teknologi AI yang sesuai;
  - (iii) Penggunaan AI dalam perkhidmatan Kerajaan;

- (iv) Memberikan latihan kepada pegawai Kerajaan untuk menggunakan AI;
- (v) Melaksanakan proses pemantauan dan penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan teknologi AI digunakan secara optimum dan memberi manfaat yang disasarkan;
- (vi) Menjalankan kempen kesedaran awam tentang penggunaan teknologi AI; dan
- (vii) Melaksanakan perkongsian sumber secara menegak dan melintang antara agensi Negeri dan Persekutuan di peringkat negeri dan kebangsaan, idea dan pemikiran yang dapat mempercepatkan transformasi digital dalam perkhidmatan awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

29. Akta Pengurusan Sisa Pepejal 672.
- (a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan untuk menerima pakai Akta tersebut?
  - (b) Terangkan secara terperinci tentang *pros* dan *cons* sekiranya negeri Pulau Pinang menyerahkan kuasa pengurusan sisa pepejal kepada SW Corp.
  - (c) Apakah implikasi kewangan dan sosial sekiranya negeri memperakui Akta 672?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.
- (b) Perincian kebaikan dan kekurangan penerimaan pakai Akta 672 adalah seperti **JADUAL 1** berikut:

BIL.	KEBAIKAN	KEKURANGAN
1.	Peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	Caruman tetap oleh MBPP dan MBSP. Penambahan caruman bagi kawasan-kawasan baharu.
2.	Pembangunan dan pengoperasian Loji <i>Waste to Energy</i> (WTE) akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.	Kerajaan Negeri dan PBT tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.
3.	Pelantikan anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai syarikat konsesi.	Kerajaan Negeri dan PBT tertakluk kepada Akta 672 dan peraturan-peraturan baharu.

**JADUAL 1: Perincian Kebaikan Dan Kekurangan Penerimaan Pakai Akta 672.**

- (c) Kerajaan Negeri sedang meneliti dengan terperinci implikasi-implikasi dari segi kewangan dan sosial sekiranya Akta 672 dipersetujui diguna pakai di negeri Pulau Pinang dan akan dibentangkan kepada MMK kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(I)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB LEE KHAI LOON**

30. Mengapa beberapa projek-projek Kerajaan Negeri yang baru seperti Gurney Bay, Wood Haven dan sebagainya telah didapati mengalami kerosakan serta *workmanship* yang teruk?
- (a) Berapa kos tambahan yang diperlukan untuk membaiki projek-projek yang baru siap tersebut?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tersebut serta mengurangkan perkara yang sama berulang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

30. Pemilihan kontraktor bagi projek Kerajaan Negeri dibuat berdasarkan penelitian keupayaan teknikal dan kewangan bagi memastikan kontraktor yang berwibawa dilantik untuk melaksanakan projek. Aspek kerosakan dan isu *workmanship* adalah perkara yang berlaku dalam kadar yang terlalu minimum dan tindakan penambahbaikan diambil oleh Jabatan Pelaksana selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- (a) Projek Gurney Bay Fasa Pertama telah dibuka kepada orang awam pada 4 Februari 2024. Antara kemudahan yang dibina bagi fasa pertama adalah *playground, skate park, open car parks, south vantage points, kiosks* dan *Expressway Reverse*. Kemudahan-kemudahan tersebut masih di bawah Tempoh Tanggungan Kecacatan sehingga 3 Februari 2026. Pembaikan kerosakan Projek Gurney Bay tidak melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan Negeri memandangkan pembaikan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan akan ditanggung oleh kontraktor.

Pelaksanaan Projek Wood Heaven melibatkan isu *workmanship* di mana Jabatan Pelaksana telah mengambil tindakan ke atas kontraktor seperti berikut:

- (i) Tindakan denda sebanyak 63 hari dikenakan kepada kontraktor dengan nilai 362.60/sehari;
  - (ii) Surat amaran dan teguran mengkehendaki projek dilengkapkan termasuk semasa tempoh penyelenggaraan;
  - (iii) Tindakan menyenarai hitam kontraktor di peringkat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan
  - (iv) Tuntutan semula wang cagaran lima peratus (5%) ke atas projek.
- (b) Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan dan Agensi Pelaksana untuk memastikan isu kerosakan dan *workmanship* tidak berulang adalah adalah seperti berikut:
- (i) Meningkatkan pemantauan terperinci untuk meneliti prestasi fizikal supaya selaras dengan jadual pelaksanaan projek yang dirancang;
  - (ii) Pelantikan perunding bertauliah bagi projek berimpak tinggi bagi menasihati Kerajaan Negeri mengikut bidang kepakaran masing-masing; dan
  - (iii) Menginstitusikan pengurusan risiko yang bertujuan untuk memastikan paras risiko dan ketidaktentuan yang wujud diurus secara berkesan supaya projek disiapkan dengan jayanya dengan menepati masa, kos serta kualiti yang ditetapkan.